**Pembangunan modal insan** MS 5

**Insentif teksi** MS 23





FEBRUARI 1-15, 2020

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Jimat air!

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menasihati serta menyeru penduduk di negeri ini supaya menjimatkan penggunaan air dalam menghadapi musim kering yang dijangka berlarutan sehingga April ini.

Menurut beliau, kapasiti efektif dua empangan utama di negeri ini mencatatkan penurunan drastik ekoran musim panas dan kemarau yang melanda negara.

"Sehingga 14 Januari 2020, kapasiti efektif di Empangan Air Itam serta Empangan Teluk Bahang masing-masing dicatatkan pada paras 62 peratus dan 39.5 peratus.

"Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding tiga tahun kebelakangan ini iaitu 88.7 peratus (2019); 97.5 peratus (2018) dan 99.4 peratus (2017) bagi Empangan Air Itam, manakala Empangan Teluk Bahang pula mencatatkan 81.4 peratus (2019); 98.6 peratus (2018) dan 100 peratus pada 2017," jelasnya pada sidang media di sini 15 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa perubahan iklim turut membawa impak besar terhadap jumlah taburan hujan yang direkodkan di kedua-dua empangan di negeri ini pada tahun lepas.

"Dalam tempoh September hingga Disember 2019, jumlah hujan direkodkan di Empangan Air Itam adalah 72 milimeter (mm) bersamaan dengan 44.5 peratus daripada purata tiga tahun lepas iaitu 1,577mm.

"Bagi Empangan Teluk Bahang pula, sebanyak 1,732milimeter hujan direkodkan dalam tempoh sama yang bersamaan dengan 55.9 peratus daripada purata tiga tahun lepas iaitu 3,101mm," ujarnya.

Difahamkan, jumlah hujan yang dicatatkan di kedua-dua empangan tersebut menunjukkan trend penurunan sejak 2016.

Empangan Air Itam merekodkan penerimaan hujan sebanyak 1,982mm (2016); 1,599mm (2017); 1,150mm (2018) dan 702mm (2019), manakala Empangan Teluk Bahang pula mencatatkan 4,040mm (2016); 2,673mm (2017); 2,590mm (2018) dan 1,732 mm (2019).



PARAS air di Empangan Teluk Bahang pada 23 Januari 2020.




**BACAAN kapasiti air yang dicatatkan pada 23 Januari lalu di ketiga-tiga empangan di Pulau Pinang.**

Justeru, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menggesa penduduk di negeri ini supaya mengamalkan langkah-langkah penjimatan air sepanjang musim kemarau.

"Penduduk dinasihati supaya tidak menggunakan hos untuk membersihkan rumah, menyiram kebun atau pokok-pokok selain mengurangkan kekerapan mencuci kenderaan.

"Selain itu, pastikan semua paip ditutup selepas digunakan bagi mengelakkan air terus mengalir.

"Kerjasama dan sokongan anda amat diperlukan bagi memastikan bekalan air di negeri ini adalah mencukupi," seru beliau.

Dalam pada itu, Jaseni memaklumkan bahawa sejak November tahun lepas, PBAPP telah meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

"Bagi memenuhi permintaan air semasa musim perayaan, PBAPP mengoptimumkan pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua dan mengepam lebih banyak air terawat ke bahagian pulau.

"Bermula tahun ini, kita perlu pastikan simpanan air mentah di empangan utama dapat bertahan sehingga bermulanya hujan yang dijangka pada April atau Mei ini," jelasnya.

*(Sambungan di muka 3 & 15).*

# Ahmad Zakiyuddin YDP MAINPP baharu

**GEORGE TOWN –** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah memberi perkenan melantik Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman sebagai Yang di-Pertua (YDP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang baharu bagi tempoh lantikan berkuat kuasa 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021.

Pelantikan Ahmad Zakiyuddin yang juga Timbalan Ketua Menteri I, adalah bagi menggantikan Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang tamat kontrak pada 31 Disember 2019.

Dalam satu kenyataan, Ahmad Zakiyuddin memaklumkan bahawa Dr. Roslan Ahmad dilantik sebagai Timbalan YDP MAINPP.

Selain itu, lima orang ahli ex-officio yang terdiri daripada tokoh-tokoh ulama dan pimpinan tempatan turut diperkenan lantikan bagi tempoh sama.

Mereka ialah mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus; Penasihat Undang-undang Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Narawi; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor dan Timbalan Ketua Polis Negeri, Deputi Komisioner (DCP) Datuk Roslee Chik.

Turut menerima perkenan sebagai ahli MAINPP adalah Datuk Abd. Aziz @ Aziz Che Yacob; Datuk Maktar Shapee; Datuk Dr. Danial Zainal Abidin; Mohd. Tuah Ismail; Syed Mohamad Nazli Syed Ahmad; Ustaz Fadlee Daie; Ustaz Ahmad Fahmi A. Bakar dan Datin Nor Shafinaz Nulawadin.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin turut menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Abdul Malik serta semua ahli MAINPP bagi sesi lalu yang telah memberi komitmen padu dalam membangunkan umat Islam di Pulau Pinang.

"Bagi lantikan baharu, kami berazam akan terus memperkasakan umat Islam di Pulau Pinang untuk menjadi sebaik-baik umat (khaira ummah)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Menurut Seksyen 11(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004, "Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan anggota-anggota lain yang dilantik di bawah Perenggan (1) (d) hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi apa-apa tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang diperuntukkan oleh Yang di-Pertuan Agong".



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

# Kutipan zakat meningkat kepada RM121.48 juta

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Jumlah kutipan zakat di Pulau Pinang pada tahun 2019 meningkat sebanyak 1.46 peratus kepada RM121,483,234.90 berbanding tahun sebelumnya (2018) sebanyak RM119,734,212.91.

Selain hasil kutipan zakat, bilangan muzakki atau pembayar zakat juga meningkat daripada 65,706 pembayar pada 2018 kepada 67,149 (2019).

Pengerusi Zakat Pulau Pinang (ZPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, daripada jumlah tersebut, kutipan zakat harta pada tahun 2019 adalah sebanyak RM116,365,065.21 manakala zakat fitrah pula sebanyak RM5,066,031.00.

"Bagi zakat harta terdapat peningkatan 1.34 peratus berbanding tahun 2018, begitu juga kutipan zakat fitrah yang meningkat pada kadar 3.23 peratus," ujarnya pada sidang media di sini 13 Januari lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali; Pengurus Besar Wakaf Pulau Pinang, Rosidi Hussain dan Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), Prof. Dr. Mohammad Abdul Hamid.

Mengulas lanjut, Abdul Malik memaklumkan bahawa penyumbang tertinggi bagi kutipan zakat setiap tahun adalah melalui Skim Potongan Gaji.

"Pada tahun 2019, hasil kutipan melalui Skim Potongan Gaji adalah sebanyak RM52,468,322.26 berbanding tahun 2018 sebanyak RM48,577,389.22 iaitu meningkat sebanyak 8.01 peratus.

"Selain Skim Potongan Gaji, zakat perniagaan juga menjadi antara penyumbang tertinggi kutipan zakat setiap tahun yang mana pada tahun lalu adalah sebanyak RM25,341,054.15 berbanding tahun 2018, RM33,229,626.22 iaitu menyusut sebanyak 23.74 peratus.

"Walau bagaimanapun, bilangan pembayar zakat meningkat sebanyak 2.20 peratus dengan bilangan pembayar zakat baharu direkodkan pada tahun 2019 adalah seramai 6,250 orang berbanding tahun sebelumnya, hanya 5,675 orang," hurainya.

Tambah Malik, pada tahun 2019, jumlah agihan zakat adalah sebanyak RM110,989,506.99 berbanding tahun 2018 sebanyak RM103,765,813.68 iaitu meningkat sebanyak 6.96 peratus.



ABDUL Malik Abul Kassim.

"Jumlah ini adalah 91 peratus daripada jumlah kutipan zakat yang dikumpulkan pada 2019.

"Manakala penerima zakat tahun lalu (2019) juga meningkat iaitu dari 35,587 orang (2018) menjadi 37,059 orang dengan kadar peningkatan sebanyak 4.14 peratus.

"(Dan) alhamdulillah, setiap tahun penerima bantuan zakat baharu juga meningkat sebanyak 6.88 peratus iaitu dari 6,963 orang pada 2018 kepada 7,442 orang (2019)," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Malik menzahirkan keyakinan bahawa ZPP mampu mencapai sasaran kutipan RM130 juta tahun ini hasil daripada promosi yang giat dijalankan.

"Selain itu, semakin ramai umat Islam mula sedar akan kewajiban menunaikan Rukun Islam ketiga itu.

"Pembayar zakat di negeri ini akan menerima faedah Skim Kafalah Mahabbah mulai tahun ini dalam bentuk khairat kematian atau tabung sumbangan ikhlas kepada waris sekiranya pembayar zakat meninggal dunia.

"Melalui skim ini, saya percaya ia boleh meningkatkan lagi jumlah pembayar zakat dan pada masa sama meringankan beban waris," jelasnya.




**RINGKASAN laporan yang menunjukkan prestasi kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang.** ***(Sumber: ZPP).***




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Peluang pekerjaan berkualiti, kukuh kemakmuran ekonomi rakyat

**BERTAM** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata pentadbirannya percaya bahawa usaha menarik lebih ramai pelabur serta mencipta lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti bagi tahun 2020 akan mengukuhkan lagi kemakmuran ekonomi rakyat serta keharmonian sesama kaum di Pulau Pinang.

Katanya, RM13.3 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke Pulau Pinang bagi tempoh Januari hingga September 2019 (Q3 2019) melalui 113 projek perindustrian serta berjaya mencipta kira-kira 15,013 peluang pekerjaan baharu merupakan rekod terbaik Kerajaan Negeri pada tahun lepas demi memakmurkan ekonomi rakyat.

"Kita (rakyat) tahu bahawa Kerajaan Negeri pada tahun 2020 akan meneruskan usaha pembangunan khususnya dari sektor industri.




***POSE*** **istimewa Ketua Menteri dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Pejabat PPK Kepala Batas di sini baru-baru ini.**

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) amat syukur kerana tahun 2019 merupakan tahun paling baik bagi negeri Pulau Pinang dalam menarik pelaburan dengan mendirikan kilang-kilang berteknologi tinggi serta berjaya mewujudkan lebih 15,000 jawatan baru.

"(Justeru,) kita (Pulau Pinang) akan menghadapi pelbagai cabaran namun saya percaya jika kita bertungkus-lumus pada pembangunan, maka, kita boleh mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan rakyat jelata di negeri ini," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Pejabat Pegawai Penyelaras Khas (PPK) Kepala Batas di sini 18 Januari lalu.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi turut merakamkan penghargaan kepada PPK Kepala Batas, Lay Hock Peng kerana konsisten menganjurkan acara tahunan tersebut sejak sebelum tahun 2008 lagi iaitu ketika Kerajaan Negeri masih dikuasai Barisan Nasional (BN).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Tan Khong Chong (wakil kepada Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng).

Ribuan hadir yang terdiri daripada pelbagai kaum diraikan dengan pelbagai persembahan pentas, selain juadah makanan yang enak.

*(Dari muka 1).*

# Guna semua pam, segerakan bekalan air ke petak sawah

Teks dan Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PINANG TUNGGAL** - Kira-kira 827 pesawah melibatkan kawasan penanaman padi seluas 1,164 hektar di Paya Keladi dan Pinang Tunggal terjejas ekoran kekurangan sumber bekalan air, di samping musim kemarau yang berlaku sejak bulan Disember tahun lepas.

Mengulas lanjut, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, pihaknya telah mengarahkan Jabatan Pertanian Negeri untuk mengeluarkan semua jentera pam air mudah alih yang ada untuk kerja-kerja segera membekalkan sumber air mentah ke kawasan pertanian yang terjejas.

"Kita akan kenal pasti (kaedah penyelesaian) antaranya menggunakan sumber-sumber air yang lain, terutamanya sumber air telaga yang mana perigi sudah ada, cuma perlukan pam.

"Pam ini, kita akan gerakkan dari kawasan PPK (Pertubuhan Peladang Kawasan) lain yang tidak terjejas dengan masalah bekalan air juga dari Jabatan Pertanian sendiri, ini adalah (tindakan) segera jangka pendek.

"Kita telah kenal pasti beberapa kawasan yang kita boleh pam air untuk dibawa masuk ke kawasan-kawasan bendang ini, dari lembangan Sungai Muda.

"Saya juga sudah minta ditambahkan lagi pam, keluarkan semua (simpanan) pam yang ada untuk kita mobilisasi bekalan (air mentah) di sepanjang (lembangan) Sungai Muda," responsnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ketika mengadakan lawatan kilat ke kawasan pertanian yang terjejas di sini pada 14 Januari lalu.

Sebelum itu, Afif turut mengadakan perbincangan ringkas dengan Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang, Ir. Shukri Muslim; Pengarah Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim dan Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang, Noor Mazirah Teh.

Turut serta, Ustaz Muhasdey Muhammad iaitu Pegawai Khas kepada Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pinang Tunggal, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Serentak itu, Afif turut berdialog dengan sekumpulan pesawah yang mengakui bahawa hasil pertanian masing-masing dijangka terjejas teruk ekoran masalah kekurangan bekalan air dan kemarau yang berlaku ini.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Afif turut memberi respons terhadap isu projek Rumah Pam Pinang Tunggal dekat Permatang Saga yang terbengkalai, sebagaimana dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican



**DR. Afif Bahardin (barisan depan, dua dari kiri) mendapatkan maklum balas daripada para pegawai berkaitan pada sesi lawatan kilat ke kawasan pertanian yang terjejas di sini baru-baru ini.**

Naina Merican sebelum itu.

"Projek ini sepatutnya siap pada 5 Disember (2019), tetapi berlaku kelewatan daripada segi mendapatkan pam import dari luar (negara), dan pam itu dijangka sampai dalam tempoh tiga minggu lagi.

"Tapi, pada masa yang sama *'by-pass pump'* itu berjalan (beroperasi) seperti biasa.

"Saya juga agak terkilan kerana projek itu lewat dan kita telah minta pihak kontraktor segerakan (projek tersebut)," ujarnya sebagai menjawab soalan pemberita.

Salah seorang petani, **NORDIN WAHAB**, 47, yang ditemui kemudian memberitahu bahawa memang telah ada cadangan kepada IADA supaya jadual penanaman dan pengairan diawalkan.

Menurutnya, syor itu adalah supaya para petani terutama di Paya Keladi dan Pinang Tunggal tidak berdepan risiko berulang iaitu kekurangan bekalan air serta musim kemarau panjang.

"Kami petani ini terpaksa ikut apa yang jabatan arahkan, kalau jabatan kata mula 'masuk' air 6 hari bulan, maka 6 hari bulan lah, kita (petani) bukan boleh buat ikut suka kita tetapi kita ikut arahan Jabatan (Pertanian).

"Kalau ikut kita (petani) memang nak buat pertanian awal, tapi dianjakkan (lewat) sebulan.

"Masalah berantai yang berlaku sekarang, bendang di kawasan Paya Keladi sehingga Permatang Tinggi C ini umur padi sudah kira-kira 75 hari, apabila padi dah keluar 'isi', maka, perlukan air yang cukup.

"Apabila padi 'dah keluar' tapi air tidak ada, maka padi ini tidak akan ada 'isi', akar pokok padi akan 'pecah' dan pokok ini akan mati, petani akan tidak dapat hasil disebabkan kegagalan pengurusan bekalan air yang dikatakan telah ada jadual.

"Pendapatan bersih untuk 'serelung' antara RM1,500 hingga RM2,000, itupun kalau padi 'menjadi', kalau kos membeli pam dan mencari sumber air bawah tanah pun dah makan modal RM2,000, dalam keadaan sekarang ini macam tidak akan bawa pulangan modal.

"Sebab itu, petani minta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan agar membuat keputusan agar para petani tidak menghadapi kerugian dua kali ganda," ulas beliau sambil merakamkan penghargaan kepada rombongan Exco ke kawasan berkaitan.

Nada yang sama turut dikongsi oleh seorang petani lain, **AHMAD AWANG**, 70.

Beliau berkata, masalah malar segar iaitu kekurangan bekalan air ke petak sawah boleh dikatakan berlaku tiap-tiap tahun tetapi tiada perancangan menyeluruh daripada agensi berwajib bagi menangani masalah tersebut.

Justeru, beliau meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri dan Jabatan Pertanian Negeri supaya segera menaik taraf rumah pam sedia ada di Pinang Tunggal, agar mampu membekalkan air secukupnya ke kawasan pertanian terutama pada musim kemarau panjang.

"Kemarau sahaja, mesti jadi macam ini, bekalan air tidak cukup, kalau agensi kerajaan tidak berusaha untuk ikhtiar agar air sungai dari Pinang Tunggal boleh dibawa masuk ke petak-petak sawah ini, petani akan menghadapi kerugian tiap-tiap tahun apabila isu sebegini berulang.

"Di Pinang Tunggal ini, 90 peratus penduduk buat bendang, maksudnya pendapatan penduduk di sini memang bergantung pada hasil bendang.

"Macam saya, selalu mendapat hasil kasar RM11,000 untuk dua relung sawah, dengan bayar upah racun, sewa jentera, pam dan lain-lain masih dapat RM6,000 hingga RM7,000 lagi (pendapatan bersih), itu kalau padi 'menjadi' bukan seperti sekarang ini," katanya.

Ahmad dalam pada itu berharap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang segera melaksanakan langkah penyelesaian jangka panjang secara menyeluruh agar isu kekurangan bekalan air terutama ketika musim kemarau tidak menjejaskan pengeluaran hasil pertanian pada masa hadapan.

# Lima finalis Pertandingan Pelan Reka Bentuk Induk PSI diumum

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, ahli jawatankuasa penganjur dan para finalis merakam gambar kenangan sejurus pengumuman finalis MDC bagi projek PSI di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan lima kumpulan finalis Pertandingan Pelan Reka Bentuk Induk (MDC) bagi projek *Penang South Islands* (PSI).

Bercakap kepada pemberita, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pameran awam akan dibuat selepas penganjur menerima semua lima pelan reka bentuk pada tarikh akhir penghantaran 8 April ini.

"Selepas itu, pemenang terpilih akan dilantik sebagai peneraju pelan reka bentuk induk bagi PSI berdasarkan terma serta syarat-syarat yang digariskan," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sidang media di sini 16 Januari lalu.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Narawi, Kurator Pertandingan MDC PSI, Ar. Ang Chee Cheong dan Szeto Wai Loong (Pengarah Projek SRS Consortium yang terlibat dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, PTPM) turut sertai sidang media tersebut.

Hadir sama, semua wakil peneraju lima kumpulan finalis akhir MDC PSI, yang terdiri oleh kombinasi firma antarabangsa dan syarikat tempatan.

Terdahulu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa sejak pelancaran MDC PSI dibuat pada 6 November tahun lepas, pihak penganjur menerima 124 penyertaan minat daripada 25 negara, termasuk sembilan syarikat tempatan.

Menurut Ahli Parlimen Tanjong itu lagi, tujuan MDC PSI dianjurkan adalah untuk mengenal pasti 'Peneraju Pelan Reka Bentuk Induk' bagi menyediakan cadangan pelan pembangunan bercampur seimbang membabitkan semua tiga pulau buatan di selatan bahagian pulau Pulau Pinang dengan keluasan tanah kira-kira 4,500 ekar.

Beliau memberitahu bahawa PSI merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri sebagai pemangkin kepada agenda sosial, ekonomi dan keterangkuman, sejajar dengan rangka tindakan Penang2030.

Tambah Kon Yeow, beliau berhasrat mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam jangka masa pendek dan seterusnya.

Berikut adalah lima finalis kumpulan MDC PSI yang diumumkan:

* BID - *Bjarke Ingels Group* (Denmark) dengan *Hijjas Architect & Planner*;
* Foster + Partners (UK) dengan GDP Architects Sdn. Bhd.;
* MVRDV (Netherlands) dengan aLM Architects;
* *Tekuma Frenchman Urban Design* (USA) dengan EOWON Architects; dan
* UN Studio (Netherlands) dengan Architects 61 Sdn. Bhd..

## Pusat Pertanian Relau lokasi strategik kukuhkan industri pelancongan durian

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



SIM Tze Tzin (berbaju putih) pada sesi taklimat bersempena kunjungan rasmi terhadap Abdul Razak Jaafar (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Pelancongan durian merupakan salah satu sektor agropelancongan yang berpotensi untuk dimajukan di Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, pihaknya akan membantu Pulau Pinang untuk mempromosikan industri pelancongan durian terutama kepada pelancong luar negara.

"Industri agropelancongan berasaskan durian ini sebenarnya mendapat permintaan tinggi bukan sahaja peminat 'Raja Buah' tempatan tetapi juga daripada luar negara.

"(Selain) kualiti durian yang terbaik, durian Pulau Pinang juga mempunyai pelbagai variasi sehinggakan ada yang sanggup terbang dari Hong Kong, Indonesia dan lain-lain negara semata-mata mahu menikmatinya.

"Saya mahu buah durian menjadi ikon dan tarikan untuk Pulau Pinang, saya mahu Pulau Pinang menjadi destinasi pelancongan durian terkenal," ujarnya pada sesi taklimat khas di sini 16 Januari lalu.

Tze Tzin hadir ke Komtar bagi mengadakan kunjungan hormat terhadap Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Abdul Razak Jaafar.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ahmad Azrizal Tahir dan R. Hari Krishnan serta beberapa wakil daripada jabatan negeri.

Mengulas lanjut, Tze Tzin memaklumkan bahawa pihaknya telah bertemu dan berbincang bersama-sama Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berhubung hasrat mempromosikan pelancongan durian atau *'durian tourism'* di negeri ini.

"Saya melihat potensi besar yang boleh dibangunkan di sini (Pulau Pinang) dan Pusat Pertanian Relau sebagai lokasi strategik untuk mengukuhkan lagi industri ini," katanya yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru.

Terdahulu, Tze Tzin diberikan taklimat mengenai struktur pentadbiran di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Ahmad Rizal Mohd. Hanapiah.

Sesi taklimat kemudiannya diteruskan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), M. Maheswari yang membentangkan mengenai perkembangan semasa projek-projek yang dilaksanakan di negeri ini.

Antaranya, Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP); projek Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas; *Pan Island Link; Penang South Reclamation* (PSR), pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) serta projek-projek tebus guna tanah.

Dalam pada itu, Tze Tzin menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian Pulau Pinang sehingga ke hari ini.

"Sekiranya semua projek yang dirancang dan sedang berjalan dilaksanakan dengan jayanya, maka 20 hingga 30 tahun lagi pastinya Pulau Pinang menjadi negeri yang berbeza dan lebih mampan.

"Bagi pihak Kementerian (Pertanian dan Industri Asas Tani, MOA), saya akan cuba membantu terutama dalam memastikan sektor pertanian terus malar segar dan tidak 'dihanyutkan' oleh pembangunan.

"Hal ini kerana, pertanian merupakan fundamental yang membekalkan makanan kepada kita dan kita perlu terus memberi perhatian sewajarnya," ulasnya sebelum mengakhiri pertemuan yang berlangsung selama 90 minit itu.

# RM12 juta setiap tahun bagi pemerkasaan modal insan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**


KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil sekolah merakam gambar kenangan pada Majlis Penyerahan Replika Cek Kepada Sekolah-Sekolah Cina dan Mubaligh Tahun 2020 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM12 juta setiap tahun kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), Sekolah Menengah Persendirian dan Sekolah Tamil, bagi tujuan pemerkasaan modal insan di negeri ini.

Jumlah tersebut termasuk pembinaan sebuah bangunan baharu tiga tingkat bernilai RM1.3 juta di Sekolah Rendah Islam Maahad At-Tarbiah Guar Jering, Permatang Pauh.

"Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri prihatin terhadap perkembangan pendidikan semua aliran di Pulau Pinang.

"Serentak itu, Kerajaan Negeri turut menyumbang kepada pembinaan Sekolah Terencat Akal di Sungai Ara melibatkan kos RM10 juta, dan pada masa sama Kerajaan Negeri turut akan menyumbang sebanyak RM15 juta untuk pembinaan sebuah sekolah agama iaitu Al-Itqan bertempat di Teluk Kumbar," ucap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada Majlis Penyerahan Replika Cek Kepada Sekolah-Sekolah Cina dan Mubaligh Tahun 2020 di sini 16 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Sekolah Cina dan Mubaligh; barisan Ahli Dewan Undangan Negeri; para pengerusi lembaga pengarah sekolah-sekolah; Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG); para pengetua dan guru besar sekolah-sekolah.

Pada majlis tersebut, sejumlah RM8.302 juta disalurkan kepada 87 sekolah berkaitan.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah meluluskan pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Tun Dr. Lim Chong Eu di Alma, Bukit Mertajam melalui sepucuk surat yang diterima pada 10 Januari lalu.

Justeru, tambah beliau, pihak Kerajaan Negeri sedang mencari sebidang tanah bersesuaian di kawasan Alma sebelum memaklumkan kepada pihak KPM bagi tujuan pembinaan SJKC terbabit.

"Sekarang kita perlu sediakan sebidang tanah sama ada tanah Kerajaan Negeri ataupun tanah daripada pemaju yang berhasrat membina projek, yang mana memerlukan mereka menyerahkan sebidang tanah kepada Kerajaan Negeri.

"Jadi itu antara situasinya, atau Kerajaan Negeri boleh mencari pemaju yang mampu menyediakan tanah yang memenuhi kehendak kita.

"Mana-mana pemaju yang bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, boleh memaklumkan perkara tersebut kepada YB Chong Eng… mungkin pembinaan sekolah tersebut juga mampu memberi nilai tambah kepada projek pembangunan yang ingin dijalankan," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.



# Warden Trafik MBPP inisiatif tambahan pastikan lalu lintas lancar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN -** Anggota Warden Lalu Lintas Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang dilantik mempunyai hak untuk melaksanakan penguatkuasaan lalu lintas di kawasan pulau, khasnya George Town.

Majlis Pelancaran Warden Trafik Jabatan Penguatkuasaan MBPP yang berlangsung pada 16 Januari lalu disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menerusi pemeriksaan perbarisan membabitkan 70 anggota warden trafik.

Kon Yeow dalam ucapannya berkata, pelantikan tersebut merupakan satu lagi inisiatif baharu sebagai usaha tambahan dalam memastikan aliran lalu lintas di negeri ini sentiasa berada dalam keadaan lancar dan terkawal.

Menurut beliau, inisiatif ini secara langsung turut membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengatasi masalah trafik di negeri ini.



MOHD. Azizan Md. Desa.

"Justeru, Kerajaan Negeri menyokong penuh hasrat MBPP yang mengambil pendekatan sewajarnya untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.

"Seiring dengan pembangunan dan kemajuan infrastruktur, pertambahan jumlah kenderaan saban hari memaksa perancangan yang lebih terperinci serta teliti dilaksanakan.

"Dengan itu, ianya jelas bahawa kawalan penguatkuasaan adalah tepat pada masanya dan relevan bagi memastikan aliran lalu lintas berada dalam keadaan terkawal serta memuaskan," ujarnya sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga komited menyediakan penyelesaian pelan jangka panjang berhubung permasalahan berkenaan.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Ahli-ahli Majlis MBPP; Deputi Komisioner (DCP) Datuk Roslee Chik (Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang); Asisten Komisioner (ACP) Soffian Santong (Ketua Polis Daerah Timur Laut, DTL); Ahmad Azrizal Tahir (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam MBPP); Mohd. Azizan Md. Desa (Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBPP) dan wakil-wakil dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba).

Pelantikan warden trafik MBPP dibuat mengikut Seksyen 3 (4B) Akta Pengangkutan Jalan (Akta 333) dan ia adalah sah di sisi undang-undang.

Justeru, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menasihati semua warden trafik agar melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan profesional, penuh integriti dan sempurna.

"Aspek keselamatan perlu diberikan keutamaan agar penguatkuasaan yang diambil menepati ekspektasi rakyat secara keseluruhannya... akan ada masanya kritikan dan tohmahan dilemparkan, teruskan tanggungjawab yang diberikan mengikut peraturan dan SOP (prosedur operasi standard) ditetapkan berlandaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).

"Kita (Kerajaan Negeri) sedar bahawa penguatkuasaan undang-undang bukan suatu tugas yang mudah," jelasnya.

Dalam pada itu, pada sidang media berasingan, Mohd. Azizan memberitahu bahawa terdapat 44 kesalahan yang boleh diambil tindakan dan dikeluarkan kompaun oleh warden trafik mengikut undang-undang.

"Antaranya, berhenti di petak kuning, membuat pusingan selain di tempat dibenarkan, memotong kenderaan di garisan berkembar, gagal menunjukkan lesen memandu, ingkar tanda dan isyarat lalu lintas," ulasnya.



KETUA Menteri sambil diiringi Ar. Yew Tung Seang (kiri sekali) menyempurnakan pemeriksaan perbarisan bersempena Majlis Pelancaran Warden Trafik Jabatan Penguatkuasaan MBPP di sini baru-baru ini.



SALAH satu demonstrasi penguatkuasaan yang dipersembahkan.




# Sumbangan demi pelaksanaan kerja-kerja naik taraf

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan sumbangan peruntukan berjumlah RM50,000 kepada Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Permatang Damar Laut di sini.

Menurutnya, sumbangan tersebut adalah bagi membolehkan pihak berkaitan melaksanakan kerja-kerja naik taraf, pembelian alat-alat yang dapat membantu kanak-kanak istimewa di pusat berkaitan.

Serentak itu, Kon Yeow turut menyatakan bahawa beliau akan membawa cadangan serta permohonan elaun tambahan kakitangan PPDK yang disuarakan pengerusinya, Fatimah Kader Bacha ke peringkat perbincangan Exco kelak.



FATIMAH Kader Bacha.

"Saya akan bawa balik perkara ini untuk perbincangan dengan barisan Exco, dan akan menerima pandangan daripada Puan Pengarah (Fatimah) sendiri untuk melihat peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Negeri bagi menambah *(top-up)* jumlah elaun sedia ada yang diberi oleh pihak Persekutuan kini.

"Sementara menunggu keputusan pihak Persekutuan untuk memenuhi apa yang diperjuangkan di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan cadangan untuk *top-up* berdasarkan jumlah elaun yang dipersetujui," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota sejurus sesi lawatan khas yang diadakan pada 17 Januari lalu.

Hadir sama pada lawatan tersebut ialah isteri kepada Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee; Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain merangkap ADUN Batu Maung; Ahli Parlimen Bayan Baru merangkap Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Turut serta, Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya (DBD), Mohd. Hafiz Aswad Nadzri; Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang, Shaballah Zainal Abidin dan wakil JKM Barat Daya, Yusmin Nordin.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa proses tambahan elaun atau *top-up* sebagaimana dicadangkan itu pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebelum paras permohonan baharu tersebut diluluskan di peringkat Pusat.



KETUA Menteri dan isteri menyantuni kanak-kanak istimewa pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

"Ini adalah bagi memastikan paras gaji penyelia serta kakitangan PPDK di Pulau Pinang dapat mencapai tahap tertentu, dan secara tidak langsung dapat menarik mereka yang ingin berkhidmat di dalam pertubuhan ini,'' jelasnya yang juga Exco bagi Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Terdahulu, Fatimah memberitahu bahawa elaun bersih yang diterima kakitangan PPDK kini cuma berjumlah RM705 setelah dibuat penolakan bagi tujuan caruman.

"Kita mahu Pulau Pinang menjadi nombor satu sekiranya hasrat ini dipenuhi. Difahamkan kini cuma petugas PPDK di negeri Johor sahaja yang memperoleh peruntukan tambahan RM400, justeru kalau boleh, Pulau Pinang kita lebih daripada itu dan menjadi nombor satu," katanya lanjut.

## Garisan *zig-zag* baru di lima jalan raya demi tingkatkan kesedaran awam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PULAU TIKUS -** Jalan Light (di hadapan bangunan Dewan Undangan Negeri), Lebuh Pantai (dekat persimpangan dengan Bishop Street), Jalan Kampong Kolam (dekat persimpangan dengan Jalan Masjid Kapitan Keling), *Penang Road* (dekat persimpangan dengan Chulia Street) dan Persiaran Gurney (berhampiran pusat penjaja Gurney) akan diwujudkan garisan *zig-zag*, kelak.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berharap kemudahan itu dapat meningkatkan kesedaran mengenai peri penting keselamatan dalam kalangan pengguna jalan raya terutama pejalan kaki.

"Walaupun penduduk dan rakyat menyokong inisiatif berkaitan untuk menjadikan negeri ini tempat lebih selamat, ramai yang masih tidak menyedari tujuannya.

"Kita perlu meningkatkan kesedaran mengenai projek ini," jelasnya selepas menunjukkan klip video kempen kesedaran mengenai garisan *zig-zag* berdurasi 30 saat di sini pada 17 Januari 2020.

Zairil memberitahu bahawa pihaknya akan berusaha menular tiga klip video kempen kesedaran mengenai garisan *zig-zag* menerusi media sosial baharu.

"Video pertama, bertajuk '*Lifetime Waiting*', ditunjukkan kepada media pada sidang akhbar sehari sebelum itu.

"Dua lagi video akan dilancarkan pada Februari dan Mac," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga.




JALAN di Persiaran Gurney yang bakal diwujudkan garisan *zig-zag*.

Zairil dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Pengurus Serantau (operasi lapangan) TGV Cinemas, Mohd. Asyraf Yong, Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), M. Thurkah; Jurutera Kanan (Bahagian Lalulintas) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Zainuddin Mohamad Shariff; Pegawai Penyelidik bagi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), Mohd. Shafie Nemmang dan Syed Tajul Malik Syed Tajul Arif serta Pengarah Image Farm, Loo Shun Ming ekoran penglibatan pihak-pihak berkaitan dalam menjayakan kempen kesedaran tersebut.




ZAIRIL Khir Johari (empat dari kanan) dan pihak-pihak terlibat menunjukkan plakad masing-masing sejurus sidang media kempen kesedaran mengenai garisan *zig-zag* di sini baru-baru ini.

Bercakap pada sidang media sama, Ahli Majlis bagi MBPP, Connie Tan Hooi Peng menyatakan bahawa kerja-kerja mewujudkan garisan *zig-zag* di lima kawasan tersebut dijangka mengambil masa dua bulan, bergantung kepada proses mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Infrastruktur pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kami mengucapkan terima kasih kepada YB Zairil kerana mengetuai kempen keselamatan jalan raya sejak tahun 2015.

"Fokus kami ialah perubahan tingkah laku supaya pemandu perlahan dan berhenti bagi membolehkan pejalan kaki menyeberangi jalan dengan selamat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu bahawa sejak tahun 2017, dua kematian direkodkan di Jalan Burmah.

# Transformasi Sekolah simbol pembangunan modal insan, bantu Kerajaan Negeri tarik pelabur

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN JERMAL -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berharap sudut baharu seperti Tapak Akuaponik Berteknologi, Sudut Berat Badan Ideal (BMI), kemudahan kamera mengecam imej dan aplikasi pintar kampus MATA, serta Makmal Sains Kecerdasan Pintar (AI) yang berjaya diwujudkan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Mak Mandin di sini dapat dijadikan sumber inspirasi kepada sekolah-sekolah lain bagi merealisasikan program Transformasi Sekolah (TS) yang sedang dilaksanakan Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2020.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa inisiatif yang dilaksanakan oleh Ahli Lembaga Pentadbir (ALP), guru-guru serta kumpulan penaja bukan kerajaan bagi mewujudkan empat segmen baharu pendidikan di sekolah tersebut sebenarnya secara tidak langsung membantu Kerajaan Negeri membangunkan modal insan, sekaligus mengukuhkan keyakinan pelabur ke Pulau Pinang.

"Saya sering kali ditanya oleh pelabur dan bakal pelabur yang meninjau lokasi (serta prospek) pelaburan untuk mereka mendirikan industri di Pulau Pinang, melabur RM100 juta hingga hampir RM1 bilion, satu soalan yang selalu mereka bangkitkan (adalah) macam mana (program pembangunan) modal insan dan tenaga kerja kita (Pulau Pinang), cukup mahir atau tidak.

"Jadi, Kerajaan Negeri dalam tempoh 10 tahun ini telah memainkan peranan sampingan daripada apa yang dilakukan oleh kementerian dan Kerajaan Persekutuan dengan memberi peruntukan dalam kadar kemampuan (kewangan) negeri.



**SUDUT Tapak Akuaponik Berteknologi yang menarik.**

"Justeru, Transformasi Sekolah ini adalah sangat penting... (kerana) sebagai pemimpin Kerajaan Negeri mahupun pemimpin negara, peranan kita adalah untuk menginspirasikan negara," jelasnya pada Majlis Pelancaran Program Baharu bagi tahun 2020 di SJKC Mak Mandin di sini pada 17 Januari 2020.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Tan Khong Chong (wakil Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng); Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pengurusan) Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Ismail Mohd. Said dan Pegawai JPN Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Masri Abdullah turut sertai acara rasmi tersebut.

Kon Yeow menyatakan bahawa STEM atau



**DEMONSTRASI robotik yang dipersembahkan di Makmal Sains Kecerdasan Pintar bersempena Majlis Pelancaran Program Baharu bagi tahun 2020 di SJKC Mak Mandin di sini baru-baru ini.**

'Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik', Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), Kafe Sains Pulau Pinang (PSC), Tech Dome Pulau Pinang (TDP), Perpustakaan Digital Pulau Pinang, dan *@CAT Penang* (program tekno-keusahawanan dan revolusi perindustrian 4.0, IR4.0) merupakan antara program pembangunan modal insan meliputi umur kanak-kanak sehingga golongan belia, demi memupuk keyakinan pelabur terhadap sumber tenaga buruh mahir mencukupi di negeri ini.

Terdahulu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi mengumumkan bahawa Pulau Pinang mencatatkan RM13.3 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke Pulau Pinang bagi tempoh bulan Januari hingga September 2019 (Q3 2019) atau menyamai 247 peratus peningkatan berbanding keseluruhan pelaburan yang diterima sepanjang tahun 2018, iaitu RM5.8 bilion.

Menurutnya, kemasukan pelaburan melalui 113 projek pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan di negeri ini berjaya mencipta kira-kira 15,013 peluang pekerjaan baharu.

## Inisiatif Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat teras pembangunan negeri

**GEORGE TOWN -** Inisiatif 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat' yang dimulakan sejak tahun 2011 bukan hanya laungan slogan semata-mata sebaliknya menjadi teras kepada Kerajaan Negeri dalam membangunkan negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, melalui inisiatif tersebut, banyak kemudahan awam kini ditambah baik untuk manfaat komuniti setempat.

"Saya sangat berpuas hati apabila kedua-dua pihak berkuasa tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menganggap inisiatif ini sebagai sebahagian tanggungjawab kepada komuniti.

"Banyak kemudahan awam seperti taman rekreasi, pasar awam, tandas awam dan lain-lain kemudahan di negeri telah dinaik taraf untuk kegunaan komuniti setempat yang ternyata ia memberi impak besar kepada mereka.

"Oleh itu, saya berharap agar inisiatif ini dapat diteruskan pada masa hadapan kerana ia telah membawa perubahan ketara kepada Pulau Pinang sejak 10 tahun lalu.

"Tambahan pula, inisiatif ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri kini, ke arah mencapai Visi Penang2030," ujarnya.



**SEBAHAGIAN kanak-kanak bersantai di kemudahan yang disediakan.**

Beliau berkata demikian ketika hadir ke Majlis Pelancaran Pencahayaan Lampu Buaian di Taman Rekreasi Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin dekat sini 14 Januari lalu.

Menurut Kon Yeow, selain mengharapkan inisiatif 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat' diteruskan, di peringkat Exco, kini suatu perbincangan penambahbaikan sedang dijalankan.

"Exco (berkaitan) sedang berbincang bagaimana inisiatif ini dapat diteruskan pada masa hadapan, dan kita (pimpinan negeri) masih menunggu satu kertas kerja untuk dibentangkan nanti.

"Tujuannya mudah, iaitu menyediakan kemudahan awam bertaraf antarabangsa kepada komuniti setempat dan dalam masa sama dapat menambah baik mutu kehidupan serta persekitaran semua," katanya yang turut meluangkan masa berjalan menyusuri taman rekreasi berkaitan.

Turut sama, Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng dan Alan Lim Wei Lun; mantan Ahli Majlis MBPP, Gerald Mak Mun Keong serta pimpinan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Jalan Transfer / Jalan Argyll.

Taman Rekreasi Taman Manggis terletak di tengah-tengah kesibukan bandar raya George Town dekat Jalan Zainal Abidin, merupakan satu-satunya taman awam di negeri ini yang dilengkapi dengan pencahayaan diod pemancar cahaya (LED) pada permainan buaiannya.

Selain mempunyai tiga set buaian bercahaya, taman tersebut juga mempunyai trek joging; meja bermain catur dan dam; pelbagai alatan senaman untuk seisi keluarga serta kerusi dan ruangan untuk istirehat.

Malah, untuk keselamatan pengunjung ke taman rekreasi berkenaan, terutamanya pada sebelah malam, lapan unit kamera litar tertutup (CCTV) dipasang dan dipantau 24 jam.

Difahamkan, penambahbaikan taman rekreasi tersebut adalah usahasama Yuee Harng dan Mun Keong yang menyumbang hampir RM10,000 dan dibantu oleh MPKK setempat.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, menasihati para pengunjung agar sama-sama menjaga kemudahan yang disediakan di taman rekreasi berkaitan.

"Saya ingin menggesa semua pihak agar sama-sama membantu memastikan kemudahan yang ada di taman ini tidak dirosakkan supaya dapat dinikmati oleh semua untuk suatu tempoh panjang," tegasnya yang berharap agar pihak berkuasa tempatan dan MPKK dapat memantau sebarang perilaku vandalisme.

# Ke arah transformasi digital, komited sedia infrastruktur pintar

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri kini giat membangunkan pelbagai inisiatif pintar dalam mempersiapkan Pulau Pinang ke arah transformasi digital.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pentadbirannya juga komited dalam menyediakan pelbagai infrastruktur bagi meningkatkan kesalinghubungan sekaligus dapat memacu pertumbuhan ekonomi negeri.

"Suka atau tidak kecanggihan teknologi telah membawa kepada perubahan cara hidup, cara bekerja serta cara kita berhubung antara satu sama lain.

"Sekiranya kecanggihan teknologi ini dimanfaatkan sebaiknya, maka kehidupan akan menjadi lebih efisien.

"(Dan) menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri turut tidak mahu ketinggalan dalam memastikan rakyat Pulau Pinang menerima manfaat daripada transformasi digital ini," ujarnya pada Majlis Perasmian Program Anjakan Paradigma Era Transformasi Digital anjuran Pertubuhan Pembangunan Masyarakat Sejahtera (PPMS) Pulau Pinang di sini 18 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Presiden PPMS, Burhanuddin Abdullah dan Presiden Liga Muslim Pulau Pinang, Datuk Haja Najmudeen Kader serta pimpinan beberapa badan bukan kerajaan negeri.



KETUA Menteri bersama-sama barisan penganjur dan para jemputan khas pada Majlis Perasmian Program Anjakan Paradigma Era Transformasi Digital di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa pihaknya juga giat menjalinkan kerjasama dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan pintar antaranya dalam memperkenalkan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi serta teknologi generasi kelima atau 5G.

"Malah, baru-baru ini juga Kerajaan Negeri bersama-sama pihak swasta memperkenalkan perkhidmatan dompet elektronik atau *e-wallet* yang turut memberi manfaat kepada golongan peniaga kecil dan rakyat di negeri.

"Usaha ini adalah sejajar dengan Visi Penang2030 ke arah sebuah Negeri Pintar Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," jelasnya.

Kon Yeow dalam pada itu amat mengalu-alukan sebarang usaha dan inisiatif sama ada daripada badan bukan kerajaan, komuniti mahupun pemain industri supaya sama memainkan peranan dalam pembangunan sosial masyarakat agar tidak ketinggalan dalam arus transformasi digital.

"Inisiatif yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Pembangunan Masyarakat Sejahtera ini misalnya merupakan pendekatan baik supaya lebih ramai anggota masyarakat diberi pendedahan mengenai era transformasi digital.

"Saya berharap lebih ramai pihak tampil dengan program-program seperti ini dalam menyuntik semangat kepada masyarakat untuk bangkit dan bersedia menghadapi cabaran digitalisasi masa kini," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada PPMS Pulau Pinang atas inisiatif menganjurkan program berkaitan.

Usai berucap, Kon Yeow kemudiannya menyempurnakan pelancaran aplikasi 'Hussain Pasembur' yang popular di Padang Kota. Aplikasi tersebut bakal memudahkan tempahan tanpa perlu beratur panjang dan tunggu lama.

Difahamkan, penganjuran Program Anjakan Paradigma Era Transformasi Digital berkaitan adalah untuk memberi pendedahan kepada para peniaga dan usahawan di negeri ini mengenai usaha melahirkan masyarakat tanpa tunai atau '*cashless society*' pada masa hadapan.

Dua penceramah jemputan, Datuk Sri Mahadi Badrul Zaman dan Fazlu Muhyudin Syed Ibramsa turut meluangkan masa serta berkongsi ilmu perniagaan dalam mengharungi era transformasi digital dalam bidang perniagaan masa kini.

## Jadikan perbezaan sebagai titik persamaan yang perlu dirai, seru Ketua Menteri

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru seluruh masyarakat di negeri ini agar menjadikan perbezaan yang wujud sebagai titik persamaan yang perlu dirai.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada program Sentuhan Kasih Sempena Tahun Baru Cina 2020 anjuran Yayasan Petronas dekat Kompleks Masyarakat Penyayang di sini 20 Januari lalu.

“Atas dasar itu juga, Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada pembangunan institusi keluarga dalam Visi Penang 2030: Negeri Pintar Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

“Kita percaya keluarga yang kukuh dapat mencorak dan mewujudkan sistem sokongan masyarakat yang lebih kukuh,” ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, isteri kepada Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee; Pengurus Kanan, Pengurusan Pihak Berkepentingan, Strategik dan Penglibatan, Komunikasi Strategik Kumpulan Petronas, Zulkifli Othman; wakil-wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta barisan sukarelawan Petronas.

Pada program tersebut, seramai 100 keluarga daripada isi rumah berpendapatan rendah (B40) menerima sumbangan dalam bentuk keperluan asas, hamper, limau mandarin serta angpau.



**KETUA Menteri dan isteri merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian wakil penganjur, jemputan dan juga penerima pada program Sentuhan Kasih Sempena Tahun Baru Cina 2020 anjuran Yayasan Petronas di sini baru-baru ini.**

Serentak itu, Kon Yeow turut memuji usaha dilaksanakan pihak Petronas yang secara konsisten menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat dalam pelbagai program.

Tambahnya, sebagai sebuah syarikat multinasional negara yang kaya dengan khazanah minyak dan gas, usaha Petronas untuk berkongsi rezeki telah memberikan kesan meluas serta mendalam kepada seluruh masyarakat.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya sentiasa mengalu-alukan usaha serta inisiatif murni daripada semua pihak termasuk sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta badan-badan korporat.

“Kita amat menghargai komitmen diberikan pihak-pihak berkaitan dalam pembangunan pendidikan dan kesejahteraan komuniti yang mampan serta berkesan dengan tumpuan adalah kepada kumpulan sasaran terdiri daripada keluarga B40,” jelas Kon Yeow.

Dalam pada itu, Zulkifli memberitahu bahawa acara tahunan yang dimulakan sejak 2005 itu telah memanfaatkan seramai 21,000 penerima sehingga kini.

“Petronas melalui Yayasan Petronas giat melaksanakan program kemasyarakatan untuk memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami menerusi tiga jurus utama iaitu pendidikan dan alam sekitar, kesejahteraan serta pembangunan ekonomi.

“(Dan) buat pertama kalinya, pada tahun ini kami jalankan program ini di 15 buah negeri di Semenanjung Malaysia dan memberi sumbangan kepada 1,500 individu sempena Tahun Baru Cina sahaja,” katanya.

Difahamkan, Pulau Pinang merupakan lokasi keenam selepas Kuala Lumpur, Selangor, Kedah, Perak dan Negeri Sembilan yang dikunjungi oleh Petronas bagi melaksanakan program berkaitan.

## 10 lif kuarters Kastam bakal dibaiki, naik taraf

**SERI DELIMA -** Menteri Kewangan, Lim Guan Eng memberitahu bahawa hampir RM1 juta peruntukan diluluskan bagi membaiki dan menaik taraf 10 lif kuarters Kastam Bukit Gelugor.

Beliau berharap projek Persekutuan itu dapat meningkatkan lagi kualiti hidup keluarga kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam).

“Kuarters ini sudah berusia kira-kira 20 tahun, ini kali pertama ia (10 lif) dibaiki, dinaik taraf atau diganti.

“Bayangkan selama lima tahun penduduk mengalami igauan ngeri (iaitu) terpaksa panjat sampai 20 tingkat kerana ada lif rosak, pada tahun lepas (2019), lif-lif rosak telahpun diganti.

“Inilah perubahan yang kita (Kerajaan Pakatan Harapan Persekutuan) nak bawa, bukan sahaja untuk rakyat malah untuk warga Kastam,” jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan ketika merasmikan Majlis Naik Taraf Lif Perumahan Kastam di sini pada 18 Januari 2020.

Pengarah Kastam Negeri, Dato’ Saidi Ismail turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Mohd. Sallehudin Al-Ayubi Ali (wakil kepada Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri) dan Dato’ Chin Poh Chye (Pengarah Urusan Sanyo Elevator Sdn. Bhd.).

# 14 profesional dilantik Pesuruhjaya HEB

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju melantik 14 individu sebagai Pesuruhjaya Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (HEB) berkuat kuasa 1 Januari hingga 31 Disember 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa mengumumkan perkara itu berkata bahawa pelantikan tersebut melibatkan seorang muka baru dan 13 lagi adalah lantikan semula.

"Semua mereka adalah terdiri daripada golongan profesional serta berpengalaman iaitu Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), pegawai kerajaan, ketua pegawai operasi, pengarah urusan, peguam, ahli perniagaan dan sebagainya," katanya pada sidang media di sini 15 Januari lalu.

Turut Hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Dalam pada itu, Kon Yeow menjelaskan bahawa peranan utama HEB adalah menguruskan semua urusan melibatkan tanah, bangunan, rumah, tanah perkuburan kuil serta wang yang disumbangkan untuk kepentingan masyarakat Hindu di negeri ini.

"HEB juga memberikan sumbangan pendidikan secara *one-off* kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) selain sumbangan kebajikan orang awam sejak 2010.

"Pada 2019, HEB telah memberi sumbangan pendidikan berjumlah RM345,626.13 kepada seramai 109 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta di peringkat sijil, diploma serta ijazah," ujarnya.

Difahamkan, sejak 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi membolehkan pengurusan HEB menjalankan pelbagai program bagi manfaat masyarakat Hindu.

Pesuruhjaya HEB yang dilantik bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

1. Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy
2. ADUN Batu Uban, A. Kumaresan
3. ADUN Bagan Dalam, M. Satees.
4. Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.
5. Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang R. Surentharan.
6. Peguam, Datuk A. Tanasekharan.
7. Pengarah Eksekutif Jordan Lee & Jaafar Sdn. Bhd., Datuk Sr. Kuvenaraju Pachappen.
8. Peguam, Datuk N. Murelidaran.
9. Ketua Pegawai Operasi Eco World Development Group Berhad, Datuk Sundarajoo Somu.
10. Pengurus Besar Kamdar Sdn. Bhd., Datuk Jugal Kishor Shivlal.
11. Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), R. Kaliyappan.
12. Pengurus Agensi Great Eastern Takaful Malaysia, K. Ketenasamy @ Krishnasamy.
13. Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Brown, K. M. Santha.
14. Pengurus Besar Aspen Group, Ir. Anilarasu Amaranazan.



**KETUA Menteri dan Prof. P. Ramasamy (lima dari kiri) merakam gambar bersama-sama Pesuruhjaya Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang sejurus majlis pengumuman pelantikannya di sini baru-baru ini.**

IMPERIAL GRANDE
Bringing You Resort Inspired Homes

*Lengkapi Kehidupan Anda Dengan Keindahan Resort Yang Bergaya Nautikal*

**HAK MILIK KEKAL**
5% Diskaun Untuk Bumiputera



**Apartment**
**1,000** kaki persegi
Jumlah Unit : **938**
Harga dari RM456,800 (Min) sehingga RM473,600 (Max)

**Pejabat/ Kedai**
**341 - 1,749** kaki persegi
Jumlah Unit : **65**
Harga dari RM238,700 (Min) sehingga RM1,264,300 (Max)

Hubungi Kami di **04-6456 888**

**PELAN LOKASI**




• Pemaju : Modular Platinum Sdn. Bhd. (928399-D) • Pejabat Jualan : 71, Ideal @ The One, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang. • No. Telefon : 604-6456 888 • No. Faks : 604-6457 888 • No. Lesen Pemaju: 12082-4/12-2020/03302(L) • Tempoh Sah Lesen : 14/12/2019-13/12/2020 • No. Permit Iklan : 12082-4/12-2020/03302(P) • Tempoh Sah Permit : 14/12/2019-13/12/2020 • Pegangan : Kekal • Bebanan : Tiada • Tarikh Projek Dijangka Siap : Februari 2022 • Pihak Berkuasa Meluluskan : Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang : JPB/KM/5740/A • No. Kelulusan Pelan Bangunan : MBPP/OSC/PB9354/17(LB)

# ADUN puji sikap tolak ansur dua pihak demi keharmonian




**PROF. Dr. Idris Salleh (dua dari kanan) berjabat tangan dengan Ooi Kuan Seng (kiri sekali) sambil disaksikan oleh Chong Eng (tengah) dan Azrul Mahathir Aziz (kanan sekali) pada Majlis Sua Temu antara penduduk setempat dan Persatuan Amitabha Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**BAYAN LEPAS –** Isu tapak cadangan bagi pembinaan tokong Cina tiga tingkat di Lot 2044 dekat Teluk Kumbar berjaya diselesaikan secara harmoni, menurut Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng.

Beliau berkata, hasil perbincangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz yang mewakili penduduk dengan Persatuan Amitabha Pulau Pinang telah mencapai kata sepakat untuk memindahkan tapak berkenaan ke kawasan Gertak Sanggul.

"Setelah berbincang, Persatuan Amitabha Pulau Pinang bersetuju memindahkan tapak cadangan pembinaan tokong itu ke tanah lain yang diberi secara ganti oleh Pejabat Tanah dan Daerah Barat Daya (DBD) di kawasan Gertak Sanggul.

"Saya juga telah membawa perkara ini ke dalam Mesyuarat Exco baru-baru ini (8 Januari 2020) serta mendapat pertimbangan daripada semua Ahli Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk memberi kelulusan permohonan merancang bagi mempercepatkan proses pembinaan rumah ibadat ini," katanya pada Majlis Sua Temu antara penduduk setempat dan Persatuan Amitabha Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Selain Azrul Mahathir, majlis tersebut turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Bantahan, Datuk Prof. Dr. Idris Salleh; Pengerusi Penganut Amitabha Pulau Pinang, Ooi Kuan Seng serta penduduk setempat.

Dalam pada itu, Azrul Mahathir menjelaskan bahawa beliau menggalas tugas sebagai wakil rakyat adalah untuk menjaga kepentingan semua kaum tanpa mengira latar belakang.

"Kita tidak boleh membantah tanpa memberi pilihan kepada persatuan, selepas beberapa kali mengadakan lawatan bersama Pejabat Daerah, akhirnya persatuan setuju untuk menerima tapak baharu di Lot 210 Mukim 8, Gertak Sanggul berkeluasan 4,900 kaki persegi sebagai ganti.

"Justeru, sikap Persatuan Amitabha Pulau Pinang yang sanggup bertolak ansur demi keharmonian masyarakat setempat amat wajar dipuji," katanya.

Majlis sua temu berakhir dengan Idris dan Kuan Seng masing-masing melipat kain rentang bantahan sebagai simbolik kepada penyelesaian tersebut.

Malah, Persatuan Amitabha Pulau Pinang turut menjemput penduduk setempat untuk mengadakan lawatan apabila tokong tiga tingkat itu siap kelak, sebagai meraikan kejayaan menyelesaikan perbezaan dalam suasana harmoni.

**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)**

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai RFP seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG DI ATAS PT 214 DAN PT 217, SEKSYEN 8, BANDAR GEORGE TOWN, PULAU PINANG |
| TARIKH DIBUKA | : | 3 FEBRUARI 2020 (ISNIN) |
| TARIKH DITUTUP | : | 2 APRIL 2020 (KHAMIS) |

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai 3 Februari 2020.

2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "**Cadangan Pembangunan dan Pengurusan Akademi Badminton Pulau Pinang Di Atas PT 214 Dan PT 217, Seksyen 8, Bandar George Town, Pulau Pinang**". Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **2 April 2020** kepada:

   **Sekretariat,**
   **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang,**
   **Tingkat 47, KOMTAR,**
   **10503 Pulau Pinang**

3. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pejabat CMI di talian 04-650 5572 / 04-650 5421 atau emel kepada mazirah_mohideen@penang.gov.my

4. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(F) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnof@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abidin | 017 - 938 9192 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Heng Yeh Shuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 011 - 1119 4419 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Siti Shahanis Md. Sharif | 010 - 369 5641 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamoorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | U. Jagatisan | Seberang Perai Selatan | | 010 - 563 2279 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Andrew Chua Thian Chai | 016 - 485 0031 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azly Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz | 019 - 470 0357 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Muhammad Umar Syazuli dan Awatif johan Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BERTAM –** Muhammad Umar Syazuli Mohd. Tahir dan Awatif Abd. Majid masing-masing dinobatkan johan Tilawah Al-Quran Ke-63 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang berlangsung dekat Dewan Millenium, Kepala Batas di sini pada 21 Januari lalu.

Kemenangan tersebut melayakkan kedua-duanya membawa pulang wang tunai RM5,000 serta tambahan RM15,000 pakej menunaikan umrah atau haji berserta piala dan sijil.

Mereka juga akan mewakili negeri Pulau Pinang pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2020/1441H yang bakal berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah pada 14 hingga 21 Februari ini.

Manakala, bagi Kategori Tilawah Lelaki, naib johan dimenangi oleh Muhammad Arman Mohd. Nasir yang menerima wang tunai RM4,000 berserta hadiah iringan dan tempat ketiga disandang oleh Mohamad Afani Baharom dengan hadiah wang tunai RM3,000.

Kategori Tilawah Wanita pula menyaksikan Nur Shahirah Fatini Mohd. Shaharuddin mendapat tempat kedua diikuti Maimunah Awang (tempat ketiga).

Peserta-peserta lain turut menerima saguhati berupa wang tunai RM1,500 berserta hadiah iringan.

Selain tilawah Al-Quran turut diumumkan johan bagi majlis hafazan mengikut Kategori Juzuk.

Bagi juzuk 1 hingga 10, johan disandang oleh Mohammad Ikmal Fahmi Norhisham diikuti naib johan Muhammad Afiq Abdul Razak manakala Nur Hafiz Rusyaidi Mohd. Roslan (tempat ketiga).

Bagi peserta wanita pula, Nur Anis Afreena Kamal Ariffin diumumkan sebagai johan diikuti Farah Wafda Mohammad Tarmizi (kedua) dan Nur Adilah Adibah Hamizan (tempat ketiga).



**MUHAMMAD Umar Syazuli Mohd. Tahir mengalunkan bacaan ayat suci Al-Quran selepas diumumkan sebagai johan tilawah bagi kategori lelaki.**

Johan bagi kategori berkaitan menerima wang tunai RM2,000 berserta hadiah iringan, manakala naib johan (RM1,500) dan tempat ketiga pula (RM1,000).

Mohamad Amin Mohd. Nur Zamri (lelaki) dan Wisam Husnaa Ahmad Nazori (wanita) dinobatkan sebagai johan bagi Kategori Juzuk 1 hingga 20 yang menerima wang tunai RM3,000 berserta hadiah iringan.

Tempat kedua pula milik Mohamad Zuhdiz Zaahidien Mohd. Zamri dan Siti Qhodijah Azhamudin yang menerima wang tunai bernilai RM2,000 diikuti Abdurrahman Hisham dan Nur Alia Adriana Kamal Ariffin tempat ketiga (RM1,500).

Kategori terakhir iaitu hafazan juzuk 1 hingga 30 menobatkan Muhammad Amar Marzhukhi sebagai johan yang membawa pulang wang tunai RM4,000 berserta hadiah iringan manakala tempat kedua pula milik Mohamed Azim Mohamed Ibrahim (RM2,500) dan tempat ketiga pula milik Muhammad Alif Nazmi Sazali (RM2,000).

Majlis penyampaian hadiah kemudiannya disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas yang diiringi Timbalan Ketua Menteri I merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) menyampaikan hadiah kepada Awatif Abd. Majid yang dinobatkan sebagai johan Tilawah Al-Quran Ke-63 Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi kategori wanita di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, isteri kepada TYT, Toh Puan Majimor Shariff; Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen; ex-officio serta dif-dif kehormat yang lain.

Bertemakan 'Negara Rahmah, Ummah Sejahtera', lafaz perasmian penutup majlis tilawah yang berlangsung selama dua hari itu dilafazkan oleh Abdul Rahman sebelum meninggalkan majlis.

Seramai lapan peserta yang berjaya dalam saringan menyertai majlis tilawah al-Quran dan 35 peserta lain menyertai majlis menghafaz al-Quran kali ini.

## Wujudkan 100 lokasi *'urban farming'* menjelang 2030

**PENANTI -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berhasrat untuk mewujudkan 100 hab kebun komuniti berkonsepkan *'urban farming'* dengan aktiviti penanaman sayur-sayuran secara organik di negeri ini menjelang tahun 2030.

Kata beliau, hasrat itu adalah selari dengan wawasan pembangunan jangka panjang Penang2030 yang mahu meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Tambah Afif, aktiviti *'urban farming'* atau pertanian bandar bukan sahaja mampu menjana pendapatan isi rumah penduduk bandar, bahkan memberi peluang kepada rakyat kebanyakan untuk menikmati sayur-sayuran organik pada harga yang lebih berpatutan.

"Kita (Kerajaan Negeri) tengok kepada kaedah tanaman bertingkat *(vertical farming)*, akuaponik, fertigasi dan lain-lain, dari segi pengeluaran itu sangat produktif tetapi tidak memerlukan sumber tanah (di kawasan bandar) yang terlalu besar.

"Kita lihat *'urban farming'* ini tidak memerlukan tanah yang luas, tetapi yang diperlukan adalah teknologi," jelasnya selepas melawat tapak Tanaman Halia Fertigasi kendalian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Pelet di sini pada 21 Januari 2020.

Turut serta, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Datuk Mazlan Aliman.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu bahawa ketika ini pihaknya dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri sedang menyediakan konsep daripada segi kebolehlaksanaan, sebelum melancarkan program *'urban farming'* kelak.

Sebelum itu, beliau ketika menyampaikan ucapan antara lain menyatakan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu hab pengeluaran halia untuk utara Semenanjung Malaysia.

"Di sini (Tanaman Halia Fertigasi PPK Kampung Pelet), kita mempunyai 9,000 *polybag* tanaman halia yang kita (Kerajaan Negeri) jangka boleh menghasilkan dalam 18 tan halia untuk sekali tuaian.

"Kita (Kerajaan Negeri) harap dengan adanya sekali (ganda) peningkatan pengeluaran halia ini, ia dapat memenuhi keperluan tempatan dan dapat dikembangkan lagi (industri asas tani bagi sektor pengeluaran halia) bagi membolehkan Pulau Pinang menjadi salah satu hab pengeluaran halia di kawasan utara (Semenanjung Malaysia) ini," ulasnya.



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) menanam halia di dalam *polybag* pada sesi lawatan ke tapak Tanaman Halia Fertigasi kendalian PPK Kampung Pelet di sini baru-baru ini.**



**SESI lawatan yang dijalankan.**



**TANAMAN halia fertigasi yang diusahakan.**

(Dari muka 1).

# Khalayak sambut baik Kempen Jimat Air

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KEMPEN** Jimat Air yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang demi mendepani musim kemarau panjang kira-kira lebih sebulan ketika ini disambut baik oleh rata-rata khalayak yang ditemui.



HARON Husin.

**HARON HUSIN**, 65, berkata bahawa kempen tersebut disambut baik kerana Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Semenanjung Malaysia yang berjaya mengelak langkah catuan air sejak tahun 2008.

"Kemarau panjang boleh dikatakan berlaku tiap-tiap tahun, tapi apa bezanya Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain walaupun masing-masing melaksanakan kempen jimat air adalah tiada catuan sumber itu di negeri ini.

"Jadi, aktiviti harian rakyat tidak kira di rumah atau di tempat kerja atau di mana-mana negeri ini tidak terganggu kerana tidak ada catuan air seperti negeri-negeri lain," ujarnya yang juga Pengerusi Majlis Pengurusan Komunuti Kampung (MPKK) Sungai Pinang ketika ditemu ramah dekat Sungai Rusa, Balik Pulau pada 22 Januari 2020.



HARIS Mat Jam.

Responden kedua, **HARIS MAT JAM**, 75, berkata tiada sebab untuk membantah kempen nilai yang mengajak semua supaya menjimatkan penggunaan sumber air.

Menurut Pengerusi Kariah Masjid Pulau Betong itu lagi, kalau kemarau yang sedang berlaku ini berpanjangan, jawatankuasa masjid memang bercadang ingin menganjurkan solat sunat istisqa' atau memohon hujan turun.

"Kita di Balik Pulau ini ingat langsung tidak turun hujan tapi Alhamdulillah turun juga hujan selama satu jam (pada) dua tiga hari lepas.

"Kalau kemarau ini berpanjangan musimnya, masjid memang nak anjur ibadah solat istisqa' nanti.

"Tidak ada sebab untuk kita tak setuju dengan kempen jimat air ini, kerana Islam mengajar kita bahawa amalan membazir sebagai 'saudara syaitan'," jelasnya sambil mengaku kemarau panjang pada kali ini adalah 'ekstrem' berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Beliau berharap pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow supaya berusaha sebaik mungkin untuk mengelak langkah catuan air dalam mendepani musim kemarau panjang pada kali ini.



HUSSIN Othman.

**HUSSIN OTHMAN**, 67, pesara tentera, ketika ditemui memberitahu bahawa beliau ada membaca kenyataan terbaru Kon Yeow pada 20 Januari 2020 berhubung hujan turun di beberapa kawasan sehari sebelum itu yang tidak menyumbang kepada peningkatan kapasiti air di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

"Di (Empangan) Air Itam, kapasiti efektif masih 60.4 peratus dan 38.1 peratus di Empangan Teluk Bahang, kalau tidak turun hujan, saya sendiri tidak tahu berapa lama boleh bertahan sumber air yang sedia ada.

"Mujur, Pulau Pinang ada sumber lain (iaitu) air dari Sungai Muda...jadi pendirian YAB agar Jabatan Meteorologi Malaysia meneruskan kerja-kerja pembenihan awan sepanjang tempoh kemarau ini harus disokong oleh rakyat.

"Jadi kempen jimatkan air ini harus disokong, jangan sampai bekalan air di empangan-empangan kita pada garis 'merah', yang berisiko untuk Kerajaan Negeri memanggil langkah akhir dengan buat catuan air," ulasnya.



CHE Puteh Sahid.

Suri rumah, **CHE PUTEH SAHID**, 64, menyatakan bahawa kalau bukan musim kemarau pun, beliau akan mengitar guna air basuhan kain untuk membasuh kaki lima rumah dan sebagainya.

"Walaupun tarif air Pulau Pinang dah cukup murah, kalau kita tidak jimat menggunakan sumber air, kita terpaksa bayar lebih.

"Jadi, jangan lepaskan terus air basuh kain dari mesin basuh terus ke parit, kerana boleh guna untuk cuci lantai kaki lima rumah dan sebagainya

"Tidak kira musim kemarau atau tidak, atau ada kempen jimatkan air ini dilancarkan atau tidak, di rumah memang sedaya-upaya kita menjimatkan penggunaan air sebab nak elak belanja lebih duit ringgit," katanya sambil menyokong kempen jimatkan sumber air.



ANUAR Salleh.

Nada serupa turut dikongsi oleh **ANUAR SALLEH**, seorang pekebun bandar di Flat Taman Sireh, Bukit Tengah.

"Saya buat *'urban farming'*, sumber air adalah air parit di taman ini juga, tapi air parit ban di kebun sayur-sayuran saya dekat Tanah Perkuburan Islam Kariah Kebun Sireh memang 'kering' kerana kemarau kali ini ekstrem, sampai saya terpaksa cari gali sumber air dari dalam tanah sebagai sumber air alternatif.

"Apabila ada kempen jimatkan sumber air sebegini, rakyat yang tinggal flat seperti saya memang payah nak basuh kereta, tapi mereka yang tinggal di rumah bertanah *(landed house)* saya tak pasti bagaimana," ujarnya.

Beliau dalam pada itu turut memuji mutu pengurusan agensi negeri, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) kerana sejak sedekad lepas berjaya mengelak langkah catuan air.



JOHAN Abu Bakar.

Bagi pemuda tempatan, **JOHAN ABU BAKAR**, 36, memberitahu bahawa pihaknya juga berharap kempen jimatkan sumber air berkaitan mampu memanjangkan daya guna sumber air sedia ada dalam mendepani musim kemarau.

"Paling penting, jangan ada catuan air seperti di negeri-negeri lain, rakyat akan memberikan pandangan serong kepada Kerajaan apabila langkah catuan air dibuat.

"Bagi saya, langkah Kerajaan Negeri selama ini mengenakan surcaj kepada pengguna air secara berlebihan atau membazir adalah suatu langkah proaktif untuk meregulasi tabiat rakyat dalam menggunakan air.

"Ia (kenaan surcaj) juga adalah sebahagian maksud kempen jimatkan bekalan air yang telahpun berjaya dilaksanakan sebelum ini, kalau dihayati secara literal yang mana ia tidak terbatas untuk mendepani musim kemarau panjang semata-mata, seperti sekarang," katanya.

Menurut beliau, kempen jimatkan sumber air demi menghadapi musim kemarau akan terus mendapat reaksi positif semua pihak selagi Kerajaan Negeri tidak melaksanakan langkah catuan air.

# Keperluan, warga negeri alu-alukan perkhidmatan 5G

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang tersenarai antara enam negeri yang bakal menjalani ujian rangkaian perkhidmatan 5G selama enam bulan dijangka mulai Januari hingga Jun 2020.

Inisiatif tersebut dilihat begitu bertepatan dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk merealisasikan wawasan Penang2030 ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang maju dan pintar.

Malah, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo pada sidang media baru-baru ini menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan negeri paling ideal untuk menguji signal 5G selepas mengambil kira pelbagai inisiatif pintar yang dibangunkan di negeri ini sejak 11 tahun lalu.

Oleh itu, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF**, turut mendapatkan reaksi warga negeri untuk melihat sejauh mana penerimaan mereka terhadap inisiatif tersebut sebagai elemen terpenting dalam mendepani era serba pantas pada masa kini.



FINN Choong.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang (PCCC), **DATUK FINN CHOONG** antara yang menyokong inisiatif berkaitan dengan pandangan bahawa rangkaian 5G akan memastikan ketersambungan menjadi lancar dan lebih baik bagi semua sektor.

Beliau berkata, kanak-kanak dan golongan muda antara yang bakal mendapat banyak manfaat terutamanya bagi mereka yang gemar melayari laman sosial dan permainan dalam talian.

Malah, Finn menyatakan bahawa bagi sektor perniagaan, khususnya akan mendapat manfaat daripada peningkatan 4G kepada 5G.

"Saya tidak dapat menafikan bahawa semua orang akan berasa lebih gembira dengan adanya rangkaian yang lebih baik.

"Rangkaian 5G ini tentu lebih daripada sekadar pengalaman telefon pintar yang lebih pantas tetapi lebih kepada penyediaan rangkaian lebih baik.

"Sebagai contoh, rangkaian boleh membantu dalam aspek kamera litar tertutup (CCTV) di negeri ini.

"Terdapat banyak CCTV di sini dan sambungan 5G diperlukan untuk kelancaran sistem pemprosesan terutama pada ciri keselamatannya," ujarnya.

**SITI FATIMAH BAKAR**, 47, menyambut baik inisiatif yang dilihat dapat membantu mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan termasuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.



SITI Fatimah Bakar.

"Ledakan teknologi maklumat yang begitu pantas pada masa sekarang sememangnya memerlukan rangkaian lebih baik dengan kemudahan internet berkelajuan tinggi.

"Hampir di semua sektor sama ada kerajaan mahupun swasta di negara ini termasuk pendidikan telah beralih kepada penggunaan sistem komputer termasuk dalam sesi pengajaran serta pembelajaran.

"Oleh itu, saya melihat sebarang inisiatif untuk meningkatkan kelajuan perkhidmatan internet wajar dialu-alukan sebagai usaha membawa negara ke arah mencapai status negara maju," katanya yang merupakan seorang guru.



YEOH Sui Ein.

Sebagai seorang mahasiswi, **YEOH SUI EIN**, 22, berkata bahawa Pulau Pinang memerlukan rangkaian 5G kerana majoriti penduduk di negeri ini merupakan pengguna perkhidmatan internet terutamanya golongan pelajar.

"Dengan adanya perkhidmatan internet yang pantas, kita (pelajar) dapat mengakses pelbagai sumber rujukan dengan lebih mudah dan amat membantu dalam menyiapkan pelbagai tugasan akademik diarahkan.

"Selain itu, anak-anak muda pada masa ini juga kebanyakannya adalah pengguna telefon pintar dengan kemudahan internet untuk menyelesaikan pelbagai urusan termasuk hal peribadi, bersosial atau berhibur.

"Mungkin perkhidmatan rangkaian 5G masih kurang sesuai dilaksanakan di semua negeri, tapi saya yakin Pulau Pinang telah bersedia untuk menerima perkhidmatan ini," ulasnya.



S. Sivakumar.

Dalam pada itu, **S. SIVAKUMAR**, 47, pula berpendapat bahawa sudah tiba masanya untuk Pulau Pinang menerima rangkaian perkhidmatan 5G kerana kebanyakan perkhidmatan yang disediakan di negeri ini khususnya oleh Kerajaan Negeri kini adalah secara dalam talian.

"Saya rasa inisiatif ini akan memberi banyak manfaat untuk rakyat kerana kebanyakan daripada kita sekarang adalah pengguna internet.

"Pada masa sekarang semua urusan boleh diselesaikan secara dalam talian termasuk pembayaran bil, membeli-belah, mendapatkan bahan-bahan pembelajaran dan sebagainya.

"Malah bayaran parkir juga kini boleh dibuat secara *online* dan semua kemudahan yang ada ini memerlukan perkhidmatan internet yang laju serta lancar," katanya yang bekerja sebagai pemandu pelancong.

Bagi **MOHD. MUSTAQIM RAZAK**, 33, pula berpendapat bahawa internet berkelajuan tinggi kini bukan lagi kehendak tetapi menjadi satu keperluan memandangkan kebanyakan urusan sama ada rasmi atau tidak rasmi boleh dilakukan secara dalam talian.



MOHD. Mustaqim Razak.







Galeri Jualan
+604-296 1288

JELUTONG DEVELOPMENT SDN. BHD. (210034-H)
Suite 01-01, Menara IJM Land, 1, Lebuh Tunku Kudin 3, 11700 Gelugor, Pulau Pinang , Malaysia.
**Faks** +604-296 1289 **E-mel** sales@ijm.com **www.ijmland.com** www.facebook.com/ijmland

No. Lesen Pemaju: 8140-9/08-2020/0736(L) • Tempoh Sah: 16/8/2018 - 15/8/2020 • No. Permit Iklan: 8140-9/08-2020/0736(P) • Tempoh Sah: 16/8/2018 - 15/8/2020 • Hakmilik Tanah: Pajakan 99 Tahun Berakhir pada 26 April 2117 • No. Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB9736/17 • Pelan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Bilangan Unit: 478 unit • Tarikh Dijangka Siap: Sep 2022 • Bebanan Tanah: Bebas • Harga Jualan: RM661,000.00 (Min) RM1,002,000.00 (Mak) • 5% Bumiputera Diskaun • Sekatan-Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dicaj, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

IJM LAND
An IJM Company


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10940
Peminjam : LEE SENG HOW - 87062235****
2-6-1 TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHUAH LAY SEE - 74110607****
1-G-03 LEBUH PAYA TERUBONG 4, 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOAY SENG KIE@KOAY SENG KEE - 44091507****
47-G JALAN BATU JANTAN 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10941
Peminjam : ANG LAK CHOOI - 87010535****
NO.5205 JALAN PENGKALAN, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ANG LAK POOI - 85053007****
5205 JALAN PENGKALAN , BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NG THONG FEE - 54091907****
38 LORONG DESA PALMA 4 , TAMAN DESA PALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10943
Peminjam : NOOR ZAWANI BINTI MOHAMED - 88091907****
NO.6-G-2 LENGKOK MAHSURI, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZULKIFLI BIN MOHAMED - 61011507****
380 KAMPUNG BARU, JALAN AIR ITAM, AIR ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORLINA BINTI ABU MALIK - 72011707****
380 KAMPUNG BARU, JALAN AIR ITAM, AIR ITAM 11400 PULAU PINANG

No Akaun : 10947
Peminjam : AAEIDAH BT ABD RAZAK - 85012307****
875 JALAN MEDAN 32, PETALING JAYA 46000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : FARIDAH BINTI YAHAYA - 58031507****
1624 MUKIM 20, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ABD RAZAK BIN HASSAN - 57012707****
1624 MUKIM 20, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10948
Peminjam : MOHAMED FARIS BIN MOHAMED NOOR - 89032907****
NO. 58 LORONG MURNI 31, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MOHAMED NOOR BIN MOHAMED YUNUS - 64022407****
58 LORONG MURNI 31 , TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ASRI BIN OSMAN - 75011607****
AS-1-6 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10953
Peminjam : KOK HOOI SHIANG - 86101407****
10 LORONG TAMPOI 5, TAMAN TAMPOI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KOK HOOI LING - 83082607****
10 LORONG TAMPOI 5, TAMAN TAMPOI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : CHEONG CHAI FEI - 86072023****
88-G-15 PUNCAK ERSKINE, JALAN FETTES, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 10954
Peminjam : HARRIS BIN RAHUMAD TULLAH - 85062502****
PEJABAT AGAMA DAERAH TIMUR LAUT, PARAS 34 KOMTAR 10000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAITON BINTI MYDIN PITCHEY - 63062102****
2B-21-03 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAHUMAD TULLAH BIN ABDUL MAJID - 56111908****
2B-21-03 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 10955
Peminjam : MUHAMMAD AIZAT BIN ABDUL GHANI - 86011635****
PEJ. NEGERI PERTAHANAN AWAM PULAU PINANG, LOT 277 & 278 JALAN AYER ITAM 10460 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI - 82092207****
7A-12-03 DESA INTAN, LEBUHRAYA THEAN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AFIQ AIMAN BIN HALILLUDIN - 86081935****
25-03-01 TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10963
Peminjam : NORHAYATI BINTI SULAIMAN - 86012226****
2490 JALAN PADANG BENGGALI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : HASHIM BIN ABDULLAH - 64040407****
9356 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : ABD RANI BIN ISMAIL - 57120302****
178 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 10965
Peminjam : NORHAFIZAH BINTI MAINOORDIN - 87031807****
SMK HAJI ZAINUL ABIDIN, JALAN HAMILTON 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ALI BIN ABU BAKAR - (MENINGGAL DUNIA)
NO.255F JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KHAHAR BIN KARIM - 68041707****
17 TAMAN WU LIEN TEH, JALAN MASJID NEGERI 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10970
Peminjam : ENG HAW MIN - 87091407****
146 LENGKOK SP HEIGHTS 9, SP HEIGHTS, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 1 : ENG BUCK KIANG - 60051602****
146 LENGKOK SP HEIGHTS 9, SP HEIGHTS, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : ENG BUCK TEE - 53091102****
262 JALAN PERSIARAN CINTA SAYANG, KELAB CINTA SAYANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10971
Peminjam : MOHD SAFWAN BIN DALBADALSA MERICAN - 87071635****
20 LORONG INANG DUA, TAMAN BUNGA RAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : DALBADALSA MERICAN BIN ISAHAK MERICAN - 53022607****
20 LORONG INANG 2, TAMAN BUNGA RAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SURIATI BINTI SINGGUN - 58111007****
20 LORONG INANG 2, TAMAN BUNGA RAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10972
Peminjam : SHAHRILFARDI BIN ABDULLAH - 84031302****
1448 MK 14, KAMPUNG KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NAZIROH MASTURO BINTI ABDULLAH - 82123102****
NO.1448 KAMPUNG KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SUKRI BIN IBRAHIM - 70070702****
KAMPUNG JERONG ATAS, BATU 8, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10973
Peminjam : NOOR SIREEN BINTI MOHAMED KASSIM - 85110607****
SMA. DAERATUL MAARIFIL WATANIAH 2, GUAR PERAHU, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SEYED IBRAHIM BIN MOHAMED KASSIM - 73032471****
11A-2-15 TAMAN TERUBONG JAYA, PAYA TERUBONG, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAHATHIR ALI BIN MOHAMED KASSIM - 78101871****
115-5-14 FLAT JALAN KEDAH 11050 GEORGETOWN, PULAU PINANG

# Pembinaan asrama pekerja bertaraf antarabangsa di *North Penang Science Park*

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** - Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memilih syarikat Biopolis Resources Sdn. Bhd. untuk membina asrama pekerja di atas sebidang tanah awam seluas 4.9781 ekar milik agensi negeri itu di *North Penang Science Park*, Batu Kawan.

Mengumumkan perkara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kerja-kerja pembinaan akan mengambil masa selama empat tahun, dengan kerja-kerja pembinaan hanya akan dimulakan sebaik sahaja pihak syarikat memperoleh kelulusan Notis Mula Kerja (COW).

"Projek pembangunan asrama pekerja yang bertaraf antarabangsa ini dirancang bagi menyediakan tempat penginapan atau kediaman kepada warga tempatan dan warga asing yang bekerja di kawasan perindustrian berdekatan.

"Saya berharap projek ini akan dapat menyediakan kawasan kediaman yang tersusun dan teratur beserta segala kemudahan yang selesa untuk para pekerja kawasan perindustrian di sekitarnya," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media di sini pada 20 Januari 2020.

Selepas itu, Kon Yeow menyaksikan majlis pertukaran perjanjian antara Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abdul Kahar dan Pengarah Biopolis Resources Sdn. Bhd., Datuk Ar. Richard Jong East Full.

Turut menyaksikan, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Pemegang Saham Biopolis Resources Sdn. Bhd., Tan Sri Datuk Seri H'ng Bok San.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa projek pembangunan tersebut mempunyai lima fasa, melibatkan pembinaan 684 unit asrama yang mampu menampung kira-kira 12,313 kapasiti penghuni dalam kalangan pekerja; selain lapan unit pejabat, ruang kemudahan pengangkutan awam, sebuah surau dan rumah ibadat bukan Islam (RIBI).

Dalam pada itu, Bok San menyatakan bahawa hanya 42 daripada 684 unit asrama akan diserahkan kepada PDC selepas siap, dengan Biopolis Resources Sdn. Bhd. masih menguruskan urusan penyelenggaraan serta mengutip sewa selama tempoh 15 tahun.

Tambah beliau, baki 642 unit asrama yang siap dibina adalah milik Biopolis Resources Sdn. Bhd., untuk konsesi kutipan sewa selama tempoh pajakan 99 tahun.

Tambah Bok San, Biopolis Resources Sdn. Bhd. melabur kira-kira RM250 juta bagi projek perkongian awam-swasta (PPP) tersebut.

Manakala, Mohd. Bazid pula menzahirkan rasa gembira kerana PDC dapat memenuhi hasrat Kerajaan Negeri bagi menangani isu keselamatan serta keselesaan penduduk tempatan apabila terdapat warga asing menetap di sesuatu kawasan perumahan dengan kepadatan yang tinggi.

"Saya rasa projek ini sesuai sangat kerana ia beradа di kawasan perindustrian, jadi, masalah-masalah sosial (melibatkan pekerja asing) tidak akan lagi timbul (kelak)," ulasnya.




**KETUA Menteri mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan sejurus sidang media pengumuman pembinaan asrama pekerja di sini baru-baru ini.**






# Baki kontena sisa plastik bakal dihantar balik negara asal

**BAGAN DALAM -** Kerajaan Pakatan Harapan Persekutuan telah menghantar balik 150 kontena sisa plastik seberat kira-kira 3,737 tan metrik ke negara asal.

Mengulas lanjut, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Yeo Bee Yin berkata bahawa baki 110 lagi kontena sisa plastik yang masih disita di tanah air ini turut akan dihantar ke negara asal.

Beliau berkata demikian dalam sidang media bersama-sama Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

"150 kontena yang disita di Pelabuhan Klang dan pelabuhan di Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak sebelum ini telah dihantar balik.

"Masih terdapat 110 lagi kontena yang menunggu untuk dihantar semula ke negara mereka.

"Melalui pemeriksaan, kami (MESTECC) di pelabuhan dan data daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), mendapati kebanyakan kontena dieksport dari negara-negara maju termasuk Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Sepanyol dan Jepun.

"Oleh itu, MESTECC akan meneruskan aktiviti penguatkuasaan bersama-sama demi mengurangkan import bahan buangan plastik haram (ke tanah air ini)," katanya dalam sidang akhbar di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) dekat sini 20 Januari 2020.

Bee Yin dalam pada itu turut menegaskan bahawa Malaysia bukan negara lambakan sisa sampah dari negara-negara maju.

Tegas beliau, semua agensi penguatkuasaan ketika ini tidak akan bertolak ansur dengan aktiviti import 'sampah haram' ini.

"Pelan Tindakan Negara untuk Pengimportan Bahan Buangan Plastik akan dilancarkan oleh MESTECC pada bulan depan.

"Ia, akan menjadi panduan kepada semua agensi penguatkuasaan berkaitan untuk mengukuhkan operasi serta prosedur penguatkuasaan demi memerangi aktiviti eksport 'sampah haram' (ke Malaysia) yang menyalahi undang-undang," katanya sambil mengajak semua pihak menyedari bahawa betapa penting untuk melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.



PHEE Boon Poh (kanan sekali) menunjukkan salah satu kontena dipercayai berisi sisa plastik sambil diteliti Yeo Bee Yin serta pegawai-pegawai berkaitan lain pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Dua PBT negeri galas cabaran serupa

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Strategi pembangunan serta cabaran urus tadbir mampan sesebuah bandar perlu dirancang berdasarkan ciri-ciri unik perbandaran tersebut, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Menurut beliau, penduduk bandar raya di dunia telah meningkat kepada 4.2 bilion pada tahun 2018 dan 54 peratus penduduk bandar dunia menetap di Asia.

"Kesan daripada perubahan iklim global dan cuaca yang melampau kini, pembangunan bandar yang lestari serta mampan seharusnya lebih terkehadapan.

"Saya berpegang kepada prinsip bahawa sebuah bandar yang kuat dan mampan sangat bergantung kepada warganya.

"Bagi mewujudkan sebuah bandar yang mampan, adalah sangat penting untuk mengambil kira dan mempertimbangkan isu-isu seperti kesejahteraan sosial rakyat, pelan berfokuskan keluarga, inisiatif hijau serta inovasi pintar dalam setiap dasar yang dirancang," ucapnya pada Majlis Perasmian Forum Bandar Raya Hijau Ke-3 di sini 13 Januari lalu.

Forum berkenaan telah dianjurkan di bawah rangka *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) dan *The Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT).

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Dato' Abdul Razak Jaafar (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Ong Siou Woon (Ketua Pegawai Operasi Penang Institute, PI).

Menurut Kon Yeow, Pulau Pinang yang terdiri daripada kawasan pulau dan Seberang Perai diuruskan oleh dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berbeza, namun menghadapi galas cabaran yang serupa.

"Kedua-duanya (pulau dan Seberang Perai) merupakan bandar pesisir, oleh itu strategi pembangunan serta cabaran urus tadbir bandar bagi kedua-duanya adalah berbeza, tetapi cabaran tetap ada.

"Penting untuk sesebuah bandar dirancang mengikut ciri-ciri unik yang ada pada perbandaran tersebut," ulasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Dalam pada itu, Pengarah Serantau Asia Tenggara Bahagian Kerjasama dan Operasi Penyelarasan Asian Development Bank (ADB), Alfredo Perdiguero menekankan kepentingan negara-negara untuk saling bekerjasama bagi mencapai matlamat kemampanan bandar.

"Bandar-bandar adalah pertumbuhan ekonomi utama di Asia, justeru adalah penting untuk kita bekerja dan bertindak bersama-sama.

"Melalui forum ini misalnya, kita dapat mengetahui bagaimana untuk membangunkan rancangan holistik untuk menjadikan sesebuah bandar raya lebih bersifat berdaya tahan," jelasnya.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, para delegasi dan jemputan khas berjabat tangan bagi menandakan signifikan kesepakatan pada Majlis Perasmian Forum Bandar Raya Hijau Ke-3 di sini baru-baru ini.

# Kerajaan Negeri hasrat popularkan sukan tenis

Gambar : **K. H. ONG**




SOON Lip Chee bergambar kenangan bersama-sama para pelajar yang mengambil bahagian dalam penganjuran Karnival Mini Tenis di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat mempopularkan sukan tenis di bawah program 'Sukan Untuk Semua'.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi mencapai objektif tersebut memandangkan tenis merupakan sukan yang kurang popular di negara ini berbanding bola sepak dan badminton.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu menjadikan sukan tenis popular dan diminati oleh seluruh masyarakat di Pulau Pinang dan juga Malaysia.

"Walaupun tenis kurang popular di negara kita, namun pada peringkat ia merupakan sukan yang kedua dikenali selepas bola sepak.

"Oleh itu, jika kita tidak mengambil sebarang tindakan atau inisiatif untuk mengangkat sukan ini maka ia kekal selama-lamanya di peringkat negara sahaja.

"Sedangkan kita mahu mahu melahirkan pemain yang berkaliber untuk mengambil bahagian bukan sahaja di kejohanan peringkat negara malah juga dalam Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan SEA serta kejohanan antarabangsa lain," katanya semasa merasmikan pembukaan Karnival Mini Tenis 2020 dekat Gelanggang Tenis, Universiti Sains Malaysia (USM) dekat sini pada 18 Januari lalu.

Turut hadir, Presiden Persatuan Lawn Tennis Pulau Pinang (PLTA), Hang Kok Long; Naib Presiden PLTA, Ong Hock Keat dan Shamsul Kamal; Penolong Pegawai USM, Lim Chiao serta wakil Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Harry Chai.

Kira-kira 100 pelajar berusia antara tujuh hingga 16 tahun mengambil bahagian dalam karnival tersebut yang mana sebahagiannya adalah terdiri daripada ahli-ahli kelab seperti *ProAce Tennis Academy* (PATA), *Francis Tennis Service*, Kelab Tenis Bukit Mertajam, Kelab Sukan Pulau Pinang dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Lip Chee memaklumkan bahawa tenis merupakan sukan kedua dianjurkan di bawah program 'Sukan Untuk Semua' pada tahun ini yang mana sukan catur telah dianjurkan pada minggu sebelumnya.

"Terima kasih diucapkan kepada ibu bapa dan guru-guru yang menghantar anak-anak menyertai Karnival Mini Tenis ini.

"Pelajar bukan sahaja perlu mengejar kecemerlangan akademik semata-mata tetapi juga melibatkan diri dalam pelbagai program lain termasuk sukan," ujarnya.

Dalam pada itu, Kok Long memaklumkan bahawa karnival berkenaan adalah program pertama dianjurkan PLTA bersama dengan Kerajaan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri (Pulau Pinang) di peringkat akar umbi untuk membangunkan sukan tenis di negeri ini.

"Penglibatan sekolah dalam mempromosikan sukan adalah penting kerana para pelajar berpotensi untuk digilap sebagai atlet berpotensi melalui program latihan yang tepat dan sistematik serta diangkat menjadi juara pada masa akan datang," jelasnya.

# Fantasia Football 2020 platform terbaik cungkil bakat muda

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Program pembangunan akar umbi bola sepak Fantasia Football 2020 mampu menjadi platform bagi mencungkil bakat muda di negeri ini untuk diangkat ke pentas antarabangsa.

Mengulas lanjut, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, lebih mengujakan adalah apabila program tersebut turut melibatkan penyertaan kelab bola sepak ternama dunia seperti *LA Galaxy* (Amerika Syarikat), *Real Madrid* (Sepanyol) *Benfica* (Portugal) dan *Royal Dutch Football Association* (Belanda).

"Saya yakin ramai bakat muda di Pulau Pinang pastinya teruja dengan program dikendalikan *TH Global Football Camp* yang bakal merealisasikan impian mereka untuk berlatih di luar negara.

"Harapan saya adalah agar usaha *TH Global Football Camp* tidak terhenti di sini, sebaliknya diteruskan lagi dengan mengadakan klinik bola sepak di negeri ini pada masa akan datang," ujarnya pada sidang media berkaitan program berkenaan dekat Stadium Bandaraya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah; Pengasas TH Global Football Camp, Datuk Indera Tunku Harunnarasheed Putra dan Pengerusi TH Global Football Camp, Toh Puan Noor Suzanna Abdullah.

Dalam pada itu, Tunku Harunnarasheed dalam ucapannya memberitahu bahawa inisiatif yang ditawarkan melalui program tersebut mampu memberikan pengalaman menarik kepada para peserta khususnya peluang berkelana ke luar negara bagi mendalami ilmu bola sepak.

"Pelatih-pelatih terbaik di setiap negeri akan menjalani saringan akhir di Kuala Lumpur sebelum diterbangkan ke kelab-kelab dipilih," jelasnya.

Difahamkan pemilihan yang berlangsung baru-baru ini membuka peluang kepada bakat-bakat muda berusia bawah 10, 12, 14 dan 16 tahun.

Bagi Kategori Wanita pula hanya terbuka kepada remaja yang berumur 12 dan 14 tahun sahaja.

Pemilihan dilakukan oleh bekas pemain kebangsaan dan jurulatih ternama, Razip Ismail.

Pulau Pinang menjadi lokasi ketujuh selepas pemilihan sama berlangsung di Terengganu, Kedah, Kuala Lumpur, Melaka, Johor dan Selangor pada tahun lalu.

SOON Lip Chee bersama-sama barisan penganjur, ahli jawatankuasa dan para peserta merakam gambar kenangan sejurus pengumuman penganjuran program Fantasia Football 2020 di sini baru-baru ini.





# See Yeeven 'Puteri Merpati' Padang Kota Lama



SEE Yeeven.

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**MEMANG** Padang Kota Lama terkenal sebagai pusat rekreasi malam, terutama pada hari hujung minggu.

Tetapi, kalau pengunjung ke sini pada awal pagi sebelah siang pula, kita berpeluang menikmati aktiviti menarik lain di sini.

Antaranya, peluang melihat aksi seorang wanita meramahi ratusan merpati, menabur dedak dengan penuh kasih sayang.

Tiap-tiap awal pagi, kelibatnya memang ada di sini.

Datanglah!

Kalau bertuah lagi, mungkin kita dapat merakamkan saat menarik, seperti seluruh badan wanita berkenaan dikerumuni merpati dengan bulu pelbagai warna.

Pernah ada pengunjung yang terpesona dengan kedamaian awal pagi di sini memberitahu dalam nada berseloroh, dengan memanggil wanita berkenaan sebagai 'Puteri Merpati'.

Memang ada yang memanggilnya sebagai 'Puteri Merpati'.

Awal pagi ketika sesi wawancara ini dijalankan, mulanya 'Puteri Merpati' menolak untuk ditemuramah, tetapi, setelah dipujuk beberapa kali, akhirnya beliau bersetuju untuk memperkenalkan diri secara ringkas.

Diberi nama See Yeeven, 41, 'Puteri Merpati' berkenaan berkata bahawa sebenarnya aktiviti meramahi merpati di sini bukan beliau seorang sahaja yang buat.

Sehingga kini, ada 15 orang, rata-rata warga emas dengan pelbagai sebab serta dorongan, seperti memburu tuah dan kedamaian dalam hidup.

Namun, Yeeven, serta kawan baiknya, Heah Chin Wooi, 46, masing-masing mengaku diri sebagai aktivis yang melakukan kerja-kerja pelindungan habitat di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO Bandar Raya George Town.

Yeeven memberitahu bahawa sejak lebih empat tahun lepas, beliau dan Chin Wooi melakukan kerja-kerja amal ini secara sukarela.

"Walaupun kita bukan orang berada, kita memang mengeluarkan duit poket sendiri tiap-tiap hari, kerana kita percaya hidup ini akan damai apabila kita sayang kepada merpati.

"Merpati adalah simbol kedamaian, kalau kita nak kempen kedamaian, selalunya acara melepaskan merpati terbang ke udara akan kita buat.

"Apabila kita melihat ada ratusan merpati, sebenarnya lebih 500 ekor singgah di dataran Padang Kota Lama, seperti pagi ini, maksudnya bandar raya ini damai, bukan sahaja untuk daya huni sekalian manusia, tapi juga habitat lain," ujarnya kepada pemberita dalam sesi temu ramah di sini pada 15 Januari 2020.

## Keunikan merpati

Merpati atau *'pigeons'* merupakan unggas yang jinak dan dekat dengan manusia.

Dikenali juga dengan jolokan 'burung dara', merpati merupakan spesies paling terkenal dalam keluarga *Columbidae*.

Kalau bertanya kepada aktivis atau penggemar binatang peliharaan, merpati berkaitan mempunyai kedudukan tersendiri sebagai satwa kesayangan.

Ada pelbagai manfaat merpati bagi kehidupan manusia, antaranya berfungsi sebagai 'posmen udara' pada zaman dahulu kala.

Selain mempunyai daging yang sedap, merpati juga dijadikan burung hiasan hatta untuk balapan dalam sesetengah komuniti desa di rumpun negara Asia Tenggara hingga kini.

Menurut Yeeven, di bandar raya maju seperti kota London umpamanya, para aktivis serta saintis alam sekitar memanfaat habitat merpati untuk mengukuh tahap kualiti udara semasa.

"Percaya atau tidak, memang wujud *'Pigeon Air Patrol'* iaitu pasukan burung merpati yang dipakaikan 'beg pengesan tahap nitrogen dioksida dan bahan-bahan tercemar yang lain di United Kingdom termasuk di kota London.

"Jadi, kalau ditanya kepada saya sebagai aktivis pelindung haiwan, merpati ini memang ada peranannya dan tidak patut dihapuskan habitat di bandar raya George Town ini," katanya.

## Cabaran

Yeeven memberitahu memang ada pelbagai cabaran di sebalik wujudnya habitat merpati di George Town ini, seperti kerja-kerja pembersihan tinja burung pada kawasan pejalan kaki dan bangunan tertentu yang mempunyai nilai warisan.

"Memang ada cabaran, tetapi, tidak boleh sewenang-wenangnya pihak tertentu menangkap merpati di sini, lalu, dijual kepada restoran tertentu sebagai puyuh dengan harga RM3 seekor.

"Merpati dan puyuh tidak sama, apabila merpati sudah menjadi lauk gulai, memang pelanggan susah nak anggap lauk yang mereka makan itu bukan puyuh.

"Ramai pelancong ke George Town kerana nak makan gulai puyuh, tetapi, seakan-akan ditipu apabila restoran-restoran ini menyajikan gulai merpati.

"Saya dan beberapa kawan yang memberi makan kepada ratusan burung merpati di sini tahu aktiviti sindiket ini kerana kita memang nak melindungi habitat ini di George Town, serta kita tidak bersetuju sesetengahnya diperlaku sebegini," ulasnya.

## Harapan

Justeru, beliau berharap, dengan adanya habitat merpati di dataran Padang Kota Lama, kelak akan menjadi daya tarikan baharu buat George Town sebagai 'Kota Keamanan Serantau'.

"Di bawah Penang2030, kami yang melakukan kerja-kerja amal melindungi habitat merpati di sini juga mahu melihat dalam tempoh sedekad hingga tahun 2030 ini, George Town akan muncul sebagai 'Bandar Raya Keamanan Serantau'," ujarnya sambil merakamkan penghargaan atas kerja-kerja kelestarian bandar yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selama ini.



SEE Yeeven (kanan sekali), Heah Chin Wooi (tengah) dan seorang lagi aktivis, Ong Ah Chiew, 76, merakamkan gambar dengan merpati kesayangan mereka di dataran Padang Kota Lama pada awal pagi 15 Januari 2020 di sini.

# RM9.096 juta kepada pemandu teksi, operator bas sekolah layak sehingga 2019

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN -** Mereka yang terlibat dalam sektor pelancongan khususnya pemandu teksi di negeri ini berperanan sebagai 'duta kecil' kepada Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pemandu teksi adalah barisan hadapan yang sentiasa berhubung dengan pelancong dari dalam dan luar negara.

Justeru, beliau menyeru semua pemandu teksi agar dapat menjaga imej dan nama baik Kerajaan Negeri terutamanya ketika membawa pelancong.

"Saya menyeru semua pemandu teksi agar memberikan perkhidmatan terbaik, berilah komitmen sepenuhnya kepada pengguna.

"Bagi pengusaha bas sekolah pula, berilah perkhidmatan selesa kepada semua pelajar yang menggunakan perkhidmatan anda, pandulah dengan berhemah dan sentiasa mengutamakan keselamatan," ucapnya sempena Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu




**KETUA Menteri menyempurnakan gimik pelancaran aplikasi teksi dan kereta sewa Malaysia yang dikenali sebagai 'TeksiKu' di sini baru-baru ini.**

Teksi dan Operator Bas Sekolah di Pulau Pinang dekat sini 18 Januari lalu.

Hadir sama, Ketua Seksyen Pengangkutan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Dato' Lim Hock Seng; Teh Lai Heng (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Komtar); ADUN-ADUN; R.S.N. Rayer (Ahli Parlimen Jelutong); Mohamad Shahimi Hadzri (Pengerusi Gabungan Pemandu Teksi Pulau Pinang) dan Ang Beng Teong (Timbalan Pengerusi Persatuan Bas Sekolah Pulau Pinang).

Seramai 2,571 pemandu teksi dan operator bas sekolah layak menerima insentif sumbangan RM300 setiap seorang membabitkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM771,300.

Berdasarkan senarai dikeluarkan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) jumlah keseluruhan pemandu teksi yang sah dan berdaftar 1,428 orang di bahagian pulau dan Seberang Perai (2,571).

Manakala, bagi pengusaha bas sekolah, seramai 510 pengusaha mempunyai permit yang sah dan melayakkan mereka menerima insentif kali ini dengan 248 operator di bahagian pulau dan Seberang Perai (262).

Sebagai rekod, sehingga tahun 2019, jumlah keseluruhan insentif yang telah disalurkan Kerajaan Negeri kepada pemandu teksi serta operator bas sekolah layak adalah berjumlah RM9.096 juta, dan tahun ini merupakan tahun ke-8 sumbangan disalurkan.

Dalam pada itu, bagi memastikan keselamatan para pemandu dilindungi, Kon Yeow menasihati semua pemandu teksi dan bas sekolah agar segera mencarum di bawah perlindungan PERKESO.

"Perlindungan PERKESO untuk pemandu teksi telah dimulakan sejak Julai 2017, manakala pemandu bas sekolah pula pada Februari 2019.

"Perlindungan ini sangat berguna kerana ia berupaya melindungi pemandu yang sedang bertugas, saya menyeru semua yang masih belum mencarum agar segeralah berbuat demikian untuk kebajikan diri sendiri serta keluarga anda dari segi kebajikan dan kewangan," seru beliau.

Serentak itu, Kon Yeow turut menyempurnakan majlis pelancaran aplikasi teksi dan kereta sewa Malaysia yang dikenali sebagai 'TeksiKu'.

Pelancaran aplikasi 'TeksiKu' diharap menjadi nadi perkhidmatan teksi di Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya.

## Apa kata penerima?

**BAGI MARZUKI MASTAN**, 75, yang berasal dari Bayan Lepas, beliau menzahirkan ucapan terima kasih di atas insentif RM300 yang diberikan Kerajaan Negeri.



**MARZUKI Mastan.**

Marzuki yang merupakan pemandu teksi di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) lebih 45 tahun memberitahu bahawa telah menerima sumbangan itu dari kali pertama Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mula melaksanakan inisiatif berkenaan bagi mengurangkan beban pemandu teksi di negeri ini.

"Sumbangan ini dapatlah bantu pakcik untuk servis teksi... sebab pendapatan bulanan kami (pemandu teksi) pun dah merosot banyak sampai 80 peratus tiap-tiap bulan.

"Jadi duit yang ada kena pandai-pandai menyimpan, tambah pula insurans teksi sememangnya tinggi," ujarnya.

Ditanya berhubung projek PIA yang dijadualkan bermula tahun ini, Marzuki berharap pendapatan beliau dan rakan-rakannya (pemandu teksi) akan bertambah baik melalui projek pembesaran tersebut.

"Walaupun membawa teksi sendiri, tapi pendapatan yang merudum ni sedikit-sebanyak memberi kesan. InsyaAllah harap pendapatan bertambah baik, mungkinlah... kita tengok macam mana keadaan ke depan ni (selepas ini).

"Punca lapangan terbang ni sesak selalu disebabkan terdapat pemandu yang menunggu pelanggan dan meletakkan kereta mereka bersusun hingga kadang-kadang sampai ke sekolah (berhampiran PIA).

"Berlainan bagi teksi, kami sememangnya ada parkir khas sendiri, tidak ganggu jalan masuk ke lapangan terbang," jelas beliau sambil ditemani isterinya, **ROHANI ABDULLAH**,70, yang juga seorang pemandu teksi.

Berbeza denga suaminya yang memandu teksi sendiri, Rohani hanya mampu membawa teksi menggunakan permit syarikat.

Namun, disebabkan minat dan berkongsi sumber rezeki yang sama dengan suami, Rohani tetap berlapang dada meskipun katanya bebanan menyewa teksi daripada syarikat juga tinggi.

"Kadang-kadang pendapatan yang dapat tidak seberapa, memandangkan kini banyak perkhidmatan lain yang ditawarkan, kadangkala nak bayar sewa pun tak lepas," katanya yang sama-sama turut menerima insentif berkenaan baru-baru ini.

Perkara sama turut dikongsi oleh **N.M. SAYAKOPAL**, 62.



**N.M. Sayakopal.**

Menurut beliau yang telah memandu teksi hampir enam tahun, disebabkan pendapatan yang tidak menentu menyebabkan beliau terpaksa memandu teksi tujuh hari seminggu di antara lapan hingga 10 jam sehari.

"Saya memandu teksi sendiri, jadi kenalah pandai jaga teksi supaya sentiasa elok, baru boleh saya cari duit.

"Duit ini saya cadang untuk gunakan servis teksi," ulasnya sambil memberitahu bahawa beliau merupakan seorang pemandu dan pesara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Bagi mendapatkan kepastian lanjut, wartawan Buletin Mutiara menghampiri seorang lagi pemandu teksi muda yang hanya mahu dikenali sebagai Azrad.

Berkongsi perkara sama, Azrad mengiakan perkara tersebut sambil memberitahu bahawa bagi mendapatkan wang lebih, beliau dan ayah mentuanya yang juga seorang pemandu teksi terpaksa mengambil inisiatif mengedarkan risalah dan kad nama di dalam kawasan kilang di sekitar Bayan Lepas.

"Kadang-kadang melalui edar risalah dan kad nama, adalah juga pekerja kilang telefon untuk dapatkan perkhidmatan, daripada tunggu saja pelanggan di tepi jalan, terpaksalah ambil inisiatif lebih untuk tambah pendapatan," ujarnya tapi enggan gambarnya dirakamkan.



**LAI Cheek Kean.**

Berlainan bagi pemandu bas sekolah **LAI CHEEK KEAN**, 70, yang hanya memandu van sekolah bagi mengisi masa senggangnya.

"Saya dan isteri pun sudah tua, anak-anak semua sudah besar, jadi bawa van sekolah untuk budak tadika, saja isi masa lapang.

"Duit (insentif) RM300 bolehlah guna untuk tukar dua tayar van, raya Cina pun sudah dekat," jelas beliau.

# MBPP terima anugerah ACTCS 2020-2022

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MBPP**

**BATU MAUNG –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa apabila menerima anugerah *ASEAN Clean Tourist City Standard (ACTCS) 2020-2022* sempena *ASEAN Tourist Forum* (ATF) *2020* yang berlangsung di Brunei baru-baru ini.

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan kali kedua kepada MBPP selepas memenanginya sejak tahun 2018.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa petunjuk penilaian ACTCS dipilih menerusi beberapa kriteria secara holistik antaranya pengurusan sisa, kebersihan, kempen-kempen kesedaran tentang perlindungan alam sekitar, ruang hijau, keselamatan bandar serta kesihatan, infrastruktur, kemudahan pelancongan dan berbagai-bagai lagi.

"Prestasi ini harus diberikan pujian, tahniah Datuk Bandar dan pasukan MBPP di atas sumbangan kerja keras mereka hingga ke tahap ini.

"Pengiktirafan ini bukanlah mudah untuk kita (MBPP), tetapi kita berjaya mampu buktikan hingga mendapat pengiktirafan kali kedua.

"Untuk tahun ini, tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) menerima pengiktirafan yang sama iaitu MBPP, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Perbadanan Putrajaya, tetapi daripada segi jumlah mata, MBPP berada di tangga paling atas.

"Saya akan cuba melobi Pulau Pinang untuk menjadi bandar tuan rumah ATF pada tahun 2024, kerana Kemboja merupakan tuan rumah ATF 2022," ujarnya pada sidang akhbar sebelum melakukan lawatan ke tapak Biogas Pilot Plant di Stesen Pemindahan Sisa Batu Maung dekat sini 18 Januari lalu.



**JAGDEEP Singh Deo (barisan depan, kanan sekali), Ar. Yew Tung Seang (barisan depan, kiri sekali), Ir. Addnan Mohd. Razali (barisan kedua, dua dari kiri) dan barisan Ahli Majlis MBPP menunjukkan anugerah ACTCS 2020-2022 yang dimenangi di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya); Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Dalam perkembangan berasingan, Jagdeep memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan penekanan kepada penukaran sisa makanan kepada tenaga boleh diperbaharui.

Jelasnya, untuk pelaksanaan inisiatif tersebut, Kerajaan Negeri akan mengenal pasti sebidang tanah seluas 15 ekar yang kawasannya belum ditentukan.

"Projek perintis ini yang dilaksanakan tahun lalu ternyata membuahkan hasil, justeru saya berharap projek ini dapat dikembangkan ke tahap yang lebih besar.

"Marilah kita menukar 150 tan sisa makanan yang dijana setiap hari kepada tenaga yang boleh diperbaharui," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Mengulas lanjut berhubung peratusan kadar kitar semula, Jagdeep memberi bahawa negeri kini telah mencapai keseluruhan 44.04 peratus tahun lalu.

"Ini menunjukkan bahawa amalan kitar semula di negeri ini sedang berjalan dengan baik," ulasnya sambil berharap menjelang tahun 2030, MBPP mampu mencapai kadar kitar semula yang disasarkan iaitu 85 peratus dan MBSP (70 peratus).




# Komited sedia rumah mampu milik, bantu rakyat miliki kediaman

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menzahirkan komitmen dalam usaha menambah penyediaan lebih banyak rumah mampu milik di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha bagi membantu rakyat di negeri ini memiliki kediaman.

Menurutnya, sehingga kini, sejumlah 103,721 unit rumah telah dibina, sedang dibina dan dalam proses diluluskan pembinaannya.

"Daripada jumlah tersebut, 29,959 unit telah siap dibina, 24,328 unit dalam pelbagai peringkat pembinaan dan 49,434 unit telah diberikan kelulusan dan menunggu masa untuk dibina," ujarnya pada Majlis Pecah Tanah Grace Harmony dekat Jalan Ahmad Nor, Seksyen 4, Bandar Jelutong di sini 19 Januari lalu.

Majlis disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Pengarah Urusan Nova Mulia Development Sdn. Bhd. (Nova Land), Annie Choo serta wakil daripada pemaju, Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan bank-bank berkaitan.

Dalam masa sama, Jagdeep turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan memastikan isu berkaitan unit-unit rumah yang tidak terjual dikawal dan diurus sebaiknya.

"Jika dilihat sejak lebih 10 tahun kebelakangan ini, kenaikan harga rumah dalam negara adalah sekitar lapan hingga 10 peratus di bandar-bandar utama tetapi di Pulau Pinang keadaan masih terkawal.




**KETUA Menteri bersama dengan dif-dif jemputan lain menyempurnakan majlis pecah tanah di tapak pembangunan rumah mampu milik *Grace Harmony* dekat sini baru-baru ini.**

"Hal ini kerana, bagi mengawal kenaikan harga rumah atau hartanah, kita (kerajaan) perlu mengawal harga mengikut jenis hartanah seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini.

"(Dan) sehingga akhir tahun lalu, Pulau Pinang merupakan satu-satunya bandar yang hartanah tidak terjual berkurangan," tambahnya yang turut tidak berhasrat untuk melaksanakan cukai bagi hartanah yang tidak terjual di negeri ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow dalam ucapannya turut mengulangi nekad dan komitmen dalam menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat di negeri ini.

"Indikator utama pembangunan adalah apabila rakyat dapat menikmati hasil pembangunan, misalnya peluang-peluang pekerjaan, penggajian, kediaman dan sebagainya.

"Oleh itu, salah satu daripada KPI (Indeks Prestasi Utama) penting untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah memastikan dasar-dasar yang dibuat dipatuhi," katanya.

Menurut Kon Yeow, beliau telah mengarahkan CMI untuk melihat beberapa bidang tanah kerajaan untuk dibangunkan projek perumahan mampu milik di sekitar Jelutong.

Terdahulu, Annie memberitahu kepada media bahawa pembangunan *Grace Harmony* di kawasan seluas 4.358 ekar merangkumi 754 unit kediaman, iaitu 310 unit rumah kos sederhana rendah dengan keluasan 700 kaki persegi (kp) dan 444 rumah mampu milik (850kp).

"Projek ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh empat tahun.

"(Dan) diharap dengan menerapkan ciri-ciri penyatuan dan harmoni, projek ini dapat memenuhi kehendak penduduk di kawasan sekitar ini," katanya.

## GPPM bantu anak-anak kuasai subjek khas

**GEORGE TOWN –** Program Gerakan Pulau Pinang Mengajar (GPPM) membuka ruang kepada anak-anak terutamanya daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) untuk menguasai subjek bahasa Malaysia dan Matematik.

Program anjuran Unit Program Khas, Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) turut mendapat tajaan Majlis Yayasan Bumiputera Pulau Pinang yang dipengerusikan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah, berbaju kelabu) bergambar kenangan bersama-sama kanak-kanak yang menyertai program Gerakan Pulau Pinang Mengajar di sini baru-baru ini.**

Ahmad Zakiyuddin berkata, penganjuran program berkenaan adalah bertujuan memberi bimbingan tambahan kepada kanak-kanak bagi mengelakkan mereka ketinggalan dalam pelajaran di sekolah.

"Kita tidak mahu ada generasi akan datang tidak diberi peluang dan bimbingan untuk meningkatkan keupayaan mereka kerana faktor tidak mampu.

"Justeru, kita anjurkan program ini untuk memberi peluang serta bimbingan kepada kumpulan dikenal pasti ini sekaligus membawa mereka bersama-sama dalam program pendidikan agar mereka tidak ketinggalan," ucapnya pada majlis pelancaran program berkenaan dekat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai di sini pada 18 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; wakil Majlis Yayasan Bumiputera Pulau Pinang; pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan; wakil penduduk serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin menegaskan bahawa pendidikan amat penting untuk membentuk jati diri anak-anak bagi menghadapi cabaran masa kini serta memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pemodenan.

"Ini adalah penting bukan hanya untuk mendapatkan ilmu tetapi juga dalam pembentukan sahsiah dan jati diri mereka," ujarnya.

Difahamkan, GPPM dianjurkan sejak Oktober tahun lalu di lima lokasi, antaranya, PPR Jalan Sungai dekat George Town, PPR Ampang Jajar (Permatang Pauh), Padang Cempedak (Tasek Gelugor), Simpang Tiga (Nibong Tebal) dan Guar Perahu (Kubang Semang).

Sehingga kini, seramai 150 kanak-kanak mendapat manfaat daripada program tersebut yang dibantu oleh kira-kira 50 sukarelawan sebagai tenaga pengajar yang terdiri daripada graduan, doktor, guru, jurutera dan lain-lain.

## Pusat sasar 15 juta rakyat daftar sistem pembayaran digital

**BAGAN JERMAL –** Kerajaan Persekutuan menyasarkan seramai 15 juta rakyat di negara ini yang mempunyai kuasa pembelian untuk berdaftar melalui sistem pembayaran digital.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, kerajaan telah melaksanakan program e-Tunai Rakyat yang menawarkan RM30 secara percuma kepada mereka yang mendaftar sistem dompet elektronik (e-dompet) bagi menggalakkan sistem pembayaran digital.

"Tujuan kerajaan memperkenalkan program ini adalah untuk menggalakkan sistem pembayaran digital sebagai langkah penting ke arah menuju masyarakat tanpa tunai.

"Tambahan, sistem ini lebih baik, efisien dan telus kerana dapat memastikan pembayaran yang dibuat itu sahih, teratur tanpa ada unsur penyelewengan, penyalahgunaan serta rasuah," katanya pada sidang media selepas melawat pasar raya besar Tesco Bagan Ajam sempena pelancaran inisiatif e-Tunai Rakyat dekat Butterworth di sini pada 18 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Exco Belia dan Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee serta Ketua Pegawai Eksekutif Touch 'n Go (TNG) Digital Sdn. Bhd., Ignatius Ong.

Mengulas lanjut, Guan Eng memaklumkan bahawa sebanyak 1.7 juta permohonan diterima bagi menuntut RM30 daripada program terbabit hingga jam 12 tengah hari (18 Januari 2020) menerusi tiga pengendali e-dompet iaitu *Grab, Boost* dan *Touch 'n Go*, sejak ia dilancarkan pada 21 Januari lalu.

Katanya, daripada jumlah tersebut, 1.32 juta telah diluluskan dengan jumlah peruntukan hampir RM40 juta.

"Ini adalah sebahagian kecil daripada RM450 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2020.

"Dan kita sasarkan lebih 15 juta rakyat Malaysia berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ke atas dengan pendapatan tahunan kurang RM100,000 setahun mendaftar bagi program ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, semasa menjawab soalan pemberita, Guan Eng berkata bahawa kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan untuk memasukkan wang RM30 yang dikhususkan untuk program e-Tunai Rakyat ke dalam akaun penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi rakyat yang tidak memiliki telefon pintar.

Ulas beliau, buat masa ini, pihaknya akan melihat perkembangan terkini berhubung pelaksanaan program tersebut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

# ADUN kagum komitmen PBSM

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**PADANG LALANG –** Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Malaysia (Cawangan) Pulau Pinang melancarkan perkhidmatan ambulans 24 jam sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina.

Majlis pelancaran disempurnakan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng dekat Stesen Minyak Caltex, Jalan Song Ban Kheng di sini pada 19 Januari lalu.

Chong Eng dalam ucapannya memberitahu bahawa sebanyak empat pusat perkhidmatan ambulans PBSM bertugas selama 24 jam mulai 22 hingga 29 Januari 2020.

"Ini adalah komitmen PBSM Pulau Pinang bagi menyokong dan membantu agensi-agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta hospital kerajaan melalui Ops Selamat di jalan raya sempena musim perayaan.

"Saya berasa kagum dengan keazaman yang ditonjolkan oleh ahli-ahli persatuan ini yang sanggup meluangkan masa demi menjalankan tugas menjaga kesejahteraan orang awam.

"Justeru, saya menyeru kepada orang ramai supaya melihat ahli PBSM pulau Pinang bukan sahaja sebagai pasukan sukarelawan tetapi juga satu komponen penting dalam menjaga dan menjamin keselamatan dan kepentingan kita sepanjang masa," ujarnya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Belia dan Sukan merangkap Penasihat PBSM Pulau Pinang, Steven Sim Chee Keong; Pengerusi PBSM Pulau Pinang, Datuk BJ Yeang; wakil Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Pulau Pinang, Mohammad Syukri Abdullah; wakil Ketua Zon Perai Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang, Mohd. Shukri Abdul Rahman; Pengurus Stesen Minyak Caltex Jalan Song Bang Kheng, Estewell Sdn. Bhd., Tan Seow Kuang serta ramai lagi.

Dalam pada itu, BJ Yeang memberitahu bahawa keempat-empat pejabat operasi perkhidmatan ambulans 24 jam akan ditempatkan di kawasan terpilih sekitar pulau, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

"Seramai 150 ahli-ahli PBSM Pulau Pinang akan bertugas sepanjang Ops Selamat ini.



**CHONG Eng (tiga dari kiri) bersama-sama Steven Sim Chee Keong (dua dari kiri) serta barisan tetamu jemputan khas menyempurnakan gimik pelancaran perkhidmatan ambulans 24 jam di sini baru-baru ini.**

"(Dan) kakitangan di pusat perkhidmatan ambulans memberi khidmat dari jam 7 pagi hingga 7 malam manakala selepas itu akan dikendalikan oleh ahli-ahli kami," jelasnya.

Tambah beliau, ahli-ahli bertugas adalah terdiri daripada mereka yang terlatih dalam rawatan penjagaan pra-hospital *(pre hospital care)* dan Bantuan Hidup Asas.

"Dengan perkhidmatan ambulans kepada orang awam, PBSM berharap agar dapat memberikan rawatan penjagaan pra-hospital supaya dapat menstabilkan keadaan pesakit," katanya.

Difahamkan, program tersebut juga turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

## CCTV demi tingkat tahap keselamatan di Kampung Valdor

**SUNGAI BAKAP -** Sebanyak 30 kamera litar tertutup (CCTV) dipasang di sekitar Kampung Valdor, Sungai Bakap di sini bagi memerangi kegiatan jenayah membabitkan kawasan berkaitan.

Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani berkata, pemasangan CCTV membabitkan kos RM11,400 tersebut dibiayai melalui peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR).

"Pemasangan CCTV ini adalah melibatkan sekitar jalan-jalan kampung yang mana ia akan dipantau oleh pihak polis (Polis Diraja Malaysia, PDRM) dengan kerjasama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Valdor.

"Diharap dengan pemasangan CCTV ini mewujudkan rasa lebih selamat kepada komuniti di sini," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke kampung berkenaan bagi meninjau kerja pemasangan CCTV yang telah siap di sini 16 Januari lalu.

Hadir sama, barisan MPKK Kampung Valdor.

Selain CCTV, peruntukan PMR turut digunakan bagi menaik taraf Jalan 19 kampung berkenaan yang telah siap November tahun lalu.


**P. Kasthuriraani (dua dari kanan) bersama-sama MPKK setempat menunjukkan salah satu CCTV yang siap dipasang di Kampung Valdor dekat sini baru-baru ini.**



# Sambutan *Butterworth Ponggal Festival* unik

Gambar : **J. PATMAVATHY**

**BAGAN DALAM** – Perayaan Pesta Ponggal yang jatuh dalam bulan 'Thai' kalendar Tamil baru-baru ini disambut meriah oleh masyarakat berketurunan India di Jalan Jeti Lama dekat sini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), M. Satees menzahirkan rasa gembira apabila buat tahun kedua perayaan ponggal berlangsung di Butterworth.

"Ponggal adalah sambutan tradisional yang disambut oleh semua yang berketurunan India… ia mengeratkan hubungan antara kaum yang mengambil bahagian dalam memeriahkan upacara ini," ujarnya pada majlis sambutan *Butterworth Ponggal Festival 2020*.

Ponggal yang bermaksud melimpah ruah secara tradisinya dirayakan ketika musim menuai bertujuan melahirkan rasa syukur kepada Dewa Matahari dan ternakan ladang yang membantu menghasilkan kekayaan harta benda.

Ia merupakan sebahagian perayaan yang disambut meriah selepas perayaan Deepavali dan Thaipusam oleh masyarakat India.

Dalam pada itu, Satees dalam ucapannya berkata bahawa Lembaga Wakaf Hindu (HEB) patut ditubuhkan di seluruh Malaysia kerana lembaga berkenaan mampu memainkan peranan dalam membantu mengendalikan masalah-masalah kuil dengan lancar.

"(HEB) ia adalah organisasi sosial berlandaskan keselamatan keagamaan yang penting," jelasnya.



ANTARA tarian kebudayaan yang dipersembahkan.



PROF. P. Ramasamy (kanan sekali) dan M. Satees (barisan depan, dua dari kanan) menyalakan 'kuttu vilaku' sebagai gimik perasmian penganjuran Butterworth Ponggal Festival 2020 di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis sambutan, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dengan menyalakan *'kuttu vilaku'* sebagai gimik perasmian.

Berlangsung meriah dan berwarna-warni, pelbagai aktiviti diadakan seperti pertandingan ponggal, *uri adithal*, silambam dan pertandingan menghiasi kolam yang bermula dari jam 3 petang hingga 10 malam.

Ramasamy ketika berucap memaklumkan bahawa sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil baharu akan dibina di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam.

"Ia (pembinaan sekolah Tamil) adalah perancangan sejak dahulu, dan sekarang kita dalam usaha merealisasikan perkara ini.

"Jika sekolah Tamil baru ini menjadi kenyataan, maka secara keseluruhannya Pulau Pinang mempunyai 29 sekolah Tamil," ulasnya sambil mengucapkan Selamat Hari Ponggal kepada seluruh masyarakat India.

## Pesta Ponggal dirai penuh meriah

**BUKIT TAMBUN** – Kira-kira 500 hadirin terdiri daripada pelbagai kaum dan peringkat umur menyertai Pesta Ponggal anjuran pejabat Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani pada 19 Januari lalu.

Pesta yang berlangsung dekat Dewan Sukarela Padang 1, Taman Merak di sini turut dimeriahkan dengan pelbagai acara seperti pertandingan penyediaan ponggal, petandingan melukis kolam, pertandingan mewarna serta cabutan bertuah.

Kasthuriraani dalam ucapannya menjelaskan bahawa Pesta Ponggal merupakan satu upacara kebudayaan yang dirayakan masyarakat India dan boleh diraikan oleh semua kaum di negara ini.

"Walaupun kita berbeza agama dan budaya tetapi saya percaya bahawa semua agama mengajar pengikutnya tentang kebaikan seperti perpaduan dan kasih sayang," ujarnya semasa merasmikan program berkenaan di sini 19 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Anuar Yusoff serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Kasthuriraani turut memberitahu bahawa pada tahun ini, beliau akan memberi fokus terhadap pendidikan dan memperkasakan masyarakat melalui pelbagai program sosial serta ekonomi.

Sementara itu, pada hari sama juga kemeriahan sambutan perayaan Ponggal turut dirasai oleh masyarakat India di sekitar Ladang Kalidonia dekat Jawi.

Kehadiran Timbalan Ketua Menteri II, Prof, Dr. P. Ramasamy ternyata menambahkan lagi keceriaan Pesta Ponggal yang dianjurkan oleh komuniti setempat.

Dalam ucapannya, Ramasamy memberitahu bahawa pelbagai projek pembangunan akan dilaksanakan di Ladang Kalidonia bagi kemudahan masyarakat India di kawasan terbabit.

"Projek pembangunan terlibat adalah pembinaan semula kuil dan dewan orang ramai yang dijangka bermula tidak lama lagi.

"Oleh itu, penduduk perlu bersabar sehingga rancangan pembangunan yang dirangka bagi kawasan ini dilaksanakan sepenuhnya," jelasnya.

Turut serta, ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye.



P. Kasthuriraani (kiri sekali) bersama-sama Goh Choon Aik (tengah) memasak nasi Ponggal bersempena penganjuran Pesta Ponggal anjuran pejabat Ahli Parlimen Batu Kawan di sini baru-baru ini.

## Batu Uban bakal dilengkapi kemudahan gelanggang futsal

**BATU UBAN** – Gelanggang futsal pertama yang dibina di perkarangan Flat Hamna dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban dijangka siap pada akhir Januari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya A. Kumaresan berkata, projek bernilai kira-kira RM177,000 tersebut adalah sumbangan sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Pembinaan gelanggang ini dipersetujui selepas saya mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri melalui Exco (Belia dan Sukan) Soon Lip Chee.

"Projek ini bakal dilengkapi dengan pagar *anti-climb*, permukaan konkrit Gred 35, *chain link* berserta lampu limpah untuk membolehkan ia digunakan pada waktu malam," jelasnya kepada Buletin Mutiara ketika menerima lawatan Exco berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penghulu bagi Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut, Mohd. Tajuddin Ramli; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Flat Hamna, Zulfadzli Noordin serta wakil kontraktor.

Sebagai sukan popular dalam kalangan belia, Kumaresan juga percaya bahawa kewujudan gelanggang berkenaan mampu menjadi medan terbaik untuk menggilap dan mencungkil bakat-bakat baru dalam komuniti berkenaan.

# PICAF 2020 letak nama negeri di peta dunia



MURAL di bandar raya George Town.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil penganjur berswafoto pada Majlis Pelancaran PICAF 2020 di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN & PGT**

**PULAU BETONG** - Festival Antarabangsa Seni Lukis Kontena Pulau Pinang (PICAF) 2020 yang berlangsung sehingga bulan Mei ini bakal meletakkan Pulau Pinang di peta dunia sebagai hab utama kebudayaan serta kesenian.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata penganjuran festival berkenaan menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang sentiasa bersedia untuk mencuba sesuatu yang baru.

"Ini adalah kali pertama festival sebegini diadakan di Asia yang mana kontena-kontena dilukis dengan mural.

"Umumnya, acara-acara seperti PICAF ini telah berjaya menyuntik nafas baru kepada bandar-bandar di negeri ini.

"Juga bakal mewujudkan budaya dan kelompok reka bentuk yang akan membangunkan bakat, produk-produk serta perkhidmatan industri kreatif tempatan yang telah menyumbang dengan signifikannya berasaskan Visi Penang2030.

"Idea-idea kreatif ini telah membuatkan semua rakyat Pulau Pinang, pelancong tempatan serta luar negara teruja melihat bandar-bandar warisan lama bertukar menjadi sebuah lokasi menarik dengan idea-idea kreatif, baru dan segar," ujarnya pada Majlis Pelancaran PICAF 2020 yang berlangsung dekat Kampung Terang, Balik Pulau di sini 20 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Muhammad Bakhtiar Wan Chik (Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia); Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Lima buah kontena yang dihiasi mural hasil tangan 12 pelukis tempatan dan antarabangsa yang ditempatkan di lima lokasi sekitar Pulau Pinang iaitu Kampung Terang, Prangin Mall, *Karpal Singh Drive, Aspen Vision City* dan Dataran Pemuda Merdeka menjadi wadah seni yang unik.

Setiap kontena menggambarkan identiti dan ciri-ciri gambaran kehidupan santai di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Soon Hin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pelukis-pelukis yang telah mengambil bahagian dalam mentransformasikan bandar-bandar di Pulau Pinang dengan hasil seni yang kreatif.

"Bagi para pengunjung festival, saya berharap kepelbagaian dan latar seni kreatif Pulau Pinang akan terus memberikan inspirasi melalui setiap kontena yang dipamerkan," ulasnya.





RAKAMAN gambar kenangan bersama-sama pelukis dan model mural PICAF 2020.



**KOMUNITI setempat tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan pada majlis perasmian di Kampung Terang, Balik Pulau.**